



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 21

Hari Rabu

7hb Disember, 1988

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 (Ruangan 36)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 7hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua menpengerusikan Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKRAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"5hb Disember, 1988

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

KEPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kawangan;
3. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan); dan
5. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat",

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kewangan;
3. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan); dan
5. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

SUKAN OLIMPIK DI SEOUL - PINGAT GANGSA

1. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah layanan istimewa yang diberikan kepada Cik Vasugi yang sememangnya mendapat pingat gangsa di Sukan Olimpik di Seoul baru-baru ini.

8.12.88

18. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Sukan Negara untuk melatih ahli sukan Cik Vasugi yang menang pingat gangsa dalam acara pertunjukan Tae Kwan Do di Sukan Olimpik baru-baru ini, agar ianya akan menang acara tersebut yang akan dipertandingkan sebagai acara Olimpik di Barcelona, Spain pada tahun 1992. Apakah insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan kepada Cik Vasugi kerana memenangi pingat serta mengharumkan nama Malaysia di Sukan Olimpik Seoul itu.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan tersebut bersekali dengan soalan yang akan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan G. Rajoo pada 8.12.1988 hari esok kerana kedua-dua soalan itu adalah berkaitan.

Sejak M. Vasugi mendapat pingat gangsa dalam sukan demonstrasi di Sukan Olimpik, Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara menawarkan beberapa bantuan kepada beliau untuk mengekal dan meningkatkan prestasinya di peringkat arena antarabangsa.

Bantuan-bantuan berkenaan ialah menjalani latihan di bawah program jangka panjang dan menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Di samping itu, beliau juga menerima beberapa skim insentif yang ditawarkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Skim-skim insentif tersebut ialah:

- (a) menerima \$150 sebulan di bawah Skim Perangsang Ahli Sukan.
- (b) 34,000 wang tunai di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan.

Ekoran daripada kejayaannya itu, saya difahamkan bahawa beliau telah ditawarkan kerja sebagai Jurulatih Tae Kwan Do di Kelab Darul Ehsan Selangor.

Cik Norani binti Haji Beluah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di dalam Sukan Olimpik baru-baru ini, peserta negara amat merosot, kenapakah berlaku demikian?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan dasar yang memerlukan penjelasan yang panjang. Tetapi saya hendak nyatakan terlebih dahulu bahawa Olimpik bukan merupakan matlamat kita jangka pendek, kerana tumpuan kita ialah untuk membangunkan mutu sukan negara di peringkat Asia terlebih dahulu. Dan apabila rancangan-rancangan jangka panjang yang diusahakan oleh kita mendapat kejayaan, barulah kita boleh membandingkan prestasi sukan negara kita dengan negara-negara yang lain di peringkat yang tertinggi iaitu di peringkat Olimpik.

Saya suka menambahkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa selalu sangat soalan ini dihadapkan kepada Kerajaan seolah-olah

Kerajaan sendiri 100% bertanggungjawab atas peningkatan mutu dan prestasi sukan negara.

Sebenarnya, setiap komponen masyarakat kita perlu memainkan peranan. Sebagai contoh sikap menilai masyarakat kita terhadap sukan yang melibatkan sikap dan pandangan ibu bapa terhadap anak-anak mereka juga perlu sesuatu perubahan kerana kalau penekanan kita sepanjang masa, ialah ke arah kejayaan dari segi mendapat kelulusan kertas semata-mata, tanpa melihat dari segi pengeliban dalam bidang sukan sebagai satu daripada proses perkembangan nilai hidup individu yang amat penting sampai bila pun sukan negara kita tidak akan berkembang. Oleh itu, kesedaran dan mesej ini perlulah diterima oleh segenap lapisan masyarakat kita.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah pakaian kontingen kita tidak menunjukkan keperibadian Malaysia di dalam sukan tersebut.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab menentukan pakaian untuk pasukan sukan negara ialah di bawah bidang tanggungjawab Olimpik Council of Malaysia ataupun Majlis Olimpik Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil tindakan dan telahpun mengambil tindakan untuk meminta sebuah pihak Consultant membuat satu bentuk design yang dapat melambangkan identiti negara Malaysia supaya diterima pakai oleh semua ahli-ahli sukan negara dalam apa jua pertandingan yang mereka mengambil bahagian. Insya Allah, dalam Sukan SEA yang akan datang ini design baru ini akan diperkenalkan.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk menggalakkan peserta-peserta sukan dan adakah peruntukan khas untuk memberi hadiah istimewa.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, hadiah skim kemenangan yang telah diumumkan oleh Kerajaan adalah merupakan satu hadiah istimewa yang diberikan mengikut tahap pencapaian sepertimana yang telah dinyatakan. Dalam pada itu tertakluk kepada kejayaan di peringkat-peringkat tertentu maka Kerajaan sentiasa akan menimbangkan tambahan insentif tetapi insentif kewangan sahaja tidak boleh dipandang sebagai satu kayu

ukur sebagai dorongan kuat untuk menjamin kejayaan tanpa sifat dedikasi dan disiplin yang tinggi.

Jadi, kita melihat ini dari sudut sokongan dan galakan insentif Kerajaan di samping perubahan sikap ahli-ahli sukan yang perlu diperlihatkan juga.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Dato' Menteri Belia dan Sukan telahpun menjawab tiga soalan tambahan terkeluar daripada soalan asal, saya rasa saya pun berminat hendak bercakap dan bertanya sedikit.

Di samping menaikkan mutu kesukanan, saya teringat masa saya muda-muda dahulu bersukan yang boleh menguatkan kita, serta menaikkan lebih semangat kita kalau kita sebelum bersukan makan sup ekor lembu. Adakah cadangan Kementerian Belia dan Sukan apabila hendak beri budak-budak ini pergi berlatih sukan, adakan acara makan sup ekor lembu supaya dia bersemangat [**Ketawa**].

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya takut selepas makan sup ekor lembu, lain bahagian yang kuat [**Ketawa**].

TEMPAT PELANCONGAN - MEMFILEMKAN

2. **Tuan Azumu bin Tak** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada Kerajaan akan memfilemkan tempat-tempat pelancongan di Negeri-negeri dengan perbelanjaan sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembikinan filem, mengenai tempat-tempat pelancongan yang terdapat di

Malaysia sentiasa diberi tumpuan oleh Kerajaan dengan perbelanjaan sepenuhnya oleh Kerajaan pusat. Setakat ini Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah membuat sebanyak 7 buah filem yang meliputi keindahan Malaysia untuk ditunjukkan bagi menggalakkan pelancongan.

Kementerian ini juga ada membuat persembahan alat pandang dengar heavy presentation mengenai tempat-tempat pelancongan di seluruh Malaysia yang juga digunakan untuk menggalakkan pelancongan. Sehingga hari ini sebanyak 7 buah persembahan heavy tersebut telahpun dibuat.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat daripada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, menyatakaa projek melawat Malaysia bagi tahun 1990 apakah jumlah bilangan yang akan ditargetkan ataupun matlamat kita bagi tahun 1990.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalnya terkeluar tetapi sebagai makluman Yang Berhormat, bahawa target pelancongan Malaysia setelah tahun melawat Malaysia dilaksanakan pada tahun 1990 ialah kita inginkan pertambahan setiap tahun setelah 1990 sebanyak 10% pertambahan pelancongan bagi tiap-tiap tahun selepas 1990.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin sedikit penerangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian ini mengenai filem-filem yang dikatakan telahpun disediakan oleh pihak Kementeriannya iaitu dari segi bagaimana dan ke manakah filem-filem yang telah disiapkan ini disebarakan.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, filem-filem ini yang telah selesai kita edarkan kepada wakil-wakil kita di luar negeri iaitu Pejabat-pejabat TDC di luar negeri untuk ditunjukkan kepada agensi-agensi pelancongan yang ada hubungan ataupun ingin mengadakan aktiviti pelancongan dengan Malaysia dan juga di Pejabat-pejabat Duta serta Suruhanjaya Tinggi kita di luar negeri.

Di samping itu di dalam negeri juga kita menyangkan kepada agensi-agensi yang menganjurkan pelancongan-pelancongan berkenaan supaya mereka dapat menjual ataupun memberikan maklumat-maklumat yang lebih tepat kepada pihak yang menganjurkan pelancongan dengan Kerajaan Malaysia.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit lagi daripada jawapan itu tadi. Tentang pendedaran filem-filem ini tadi selain daripada tempat-tempat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, adakah dia juga termasuk dari segi penyebaran mass media-masa media di tempat-tempat ini melalui pengiklanan. Jika ini berlaku berapakah belanja yang telah dibelanjakan untuk pihak Kementerian untuk perkara ini.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah filem. Iklan-iklan kita juga adakan di tempat-tempat ataupun di negara-negara yang menjadi pasaran utama pelancongan kita.

Di samping itu saya juga ingin maklumkan kepada Yang Berhormat yang berkenaan bukan sahaja filem-filem yang dibuat oleh Kerajaan kita tetapi pihak penerbit ataupun pengeluar filem-filem swasta di luar-luar negeri juga ada membuat filem-filem berkenaan dengan

Malaysia untuk tujuan pelancongan ataupun untuk ditayangkan melalui media elektronik di negara masing-masing. Umpamanya kita telah kenalpasti iaitu syarikat-syarikat seperti daripada Jepun, Italy, Amerika Syarikat, Belanda, Jerman, New Zealand dan juga beberapa syarikat-syarikat swasta lain di beberapa negeri di seluruh dunia.

Mengenai perbelanjaan seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, saya minta maaf kerana saya tidak ada rekod di sini.

GURU SEMENTARA

3. Tuan **P. Balaram** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar K.D.C. (Kursus Dalam Cuti) bagi guru-guru sementara (yang sedang bertugas) yang dijalankan sekarang ini berkehendakkan pengalaman mengajar selama 3 tahun sebagai syarat masuk diberi kelonggaran syarat iaitu bolehkah dikurangkan pengalaman mengajar kepada satu atau dua tahun sahaja supaya dapat mengatasi kekurangan guru-guru terlatih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pemohon untuk mengikuti kursus dalam cuti (KDC) adalah lebih besar daripada jumlah tempat atau kemampuan Kementerian Pendidikan untuk memberi latihan. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon yang lebih lama berkhidmat sebagai guru sandaran lazimnya diberi keutamaan untuk berkursus. Bagi kursus tertentu di mana jumlah calon yang telah berkhidmat selama 3 tahun dan tidak dapat mengisikan kekosongan yang ada, calon-calon yang kurang pengalaman mengajar juga ditawarkan untuk berkursus.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, bolehkah Kementerian Pendidikan menimbang tawaran kursus KBC kepada guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan darjah 7 dan SRP memandangkan pengalaman pengajaran dan umur hampir-hampir 50-keatas kepada guru-guru yang tersebut ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta Ahli Yang Berhormat ulang balik soalan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang semula.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, bolehkah Kementerian Pendidikan menimbang tawaran kursus KBC kepada guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan darjah 7 dan SRP memandangkan pengalaman pengajaran dan umur hampir-hampir 50 keatas kepada guru-guru yang tersebut ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengambil guru-guru sandaran yang berkelayakan SRP sahaja untuk dilatih di maktab pengurusan asas atau KBC dan kita hendak meningkatkan lagi prestasi guru-guru di negara kita **ini**, dan kelayakan minimum yang kita hendak memberikan timbangan ialah SPM.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, kursus dalam cuti bagi guru-guru sementara adalah memberatkan mereka kerana selain daripada mereka mengajar di waktu cuti pula dikehendaki mereka menghadiri kursus. Dengan **itu**, tidakkah ada rancangan Kerajaan untuk menghapuskan kursus dalam cuti bagi guru-guru sementara dan kalau dihapuskan apakah masalah yang akan timbul?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menghapuskan kursus dalam cuti atau KBC, tetapi untuk membantu guru-guru sandaran yang sedang berkhidmat untuk keperluan, supaya dilatih, Kementerian Pendidikan pada tahun hadapan akan menjalankan satu langkah baru iaitu guru-guru sandaran yang tanpa latihan akan diberi keutamaan untuk mengikuti kursus di maktab perguruan asas dan untuk menyenangkan mereka dan untuk mendapatkan mereka lebih keperluan. Untuk memasuki ke maktab perguruan asas, mereka dikecualikan dari mengambil peperiksaan pencapaian yang dijalankan pada bulan Januari dan mereka hanya perlu menghadiri satu temuduga yang akan dijalankan pada akhir bulan Mac/April sahaja. Itu terhad kepada guru-guru sandaran yang berumur $24\frac{1}{2}$ tahun pada akhir tahun ini iaitu yang berkelayakan SPM dan untuk mereka yang berkelayakan STPM, umurnya terhad sehingga $26\frac{1}{2}$ tahun pada akhir tahun ini. Guru-guru sandaran yang sudah lebih dari umur ini, mereka akan diberikan peluang untuk mengikuti kursus dalam cuti.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Adakah guru-guru yang berkursus dalam cuti ini diberi orientasi ataupun pengajaran sivik kerana akhir-akhir ini kita dapati guru-guru sementara sebahagiannya, bukanlah ramai, sudah mula mengajar murid-muridnya membenci kepada Kerajaan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang mengikuti kursus dalam cuti itu adalah mengikuti kurikulum atau syllabus yang diikuti di maktab perguruan asas bersama.

Berkaitan dengan teguran dari Yang Berhormat itu, saya harap Yang Berhormat dapat memberikan bukti dan nama-nama sekolah dan guru-guru itu dan bagaimana mereka benci kepada Kerajaan, dan siasatan akan dijalankan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.Saya minta Yang Berhormat Timbalan Pendidikan membuat penjelasan tentang perlantikan guru-guru sandaran ataupun guru-guru sementara. Mengikut pengalaman kita ini, di setengah-setengah negeri apabila pembukaan sekolah bermula sehingga bulan Februari atau bulan Mac, perlantikan guru-guru sandaran belum dibuat.Adakah bagi 1989, Kementerian akan memberi arahan supaya perlantikan guru-guru sandaran ini akan dilantik sebelum sekolah bermula?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara masalah ini tidak dapat dielakkan, sebab Kementerian Pendidikan sudah menetapkan bilangan guru-guru di tiap-tiap negeri dan nama-nama mereka sudah diberi kepada negeri masing-masing. Kadangkala ada mereka merayu sekali lagi kepada Kementerian Pendidikan sebab hendak mengikut suami ataupun sebab-sebab lain. Oleh sebab itu Kementerian Pendidikan hendaklah menimbangkan tiap-tiap satu kes itu. Sekiranya mereka dapat berjaya dan rayuan mereka diluluskan, mereka akan ditempatkan di negeri-negeri lain.Oleh kerana itu negeri yang mereka ditempatkan pada awalnya akan merasa kekurangan guru terlatih dan Pengarah Pendidikan di negeri itu mesti mengambil langkah untuk mengisi jawatan kosong itu. Jawatan kosong itu akan timbul selepas sekolah itu bermula pada penggal satu atau dalam bulan Januari dan adalah juga rayuan mereka ditimbangkan pada akhir bulan Januari atau Februari, dan sebab itu masalah ini akan timbul dari masa ke semasa.

BELIA MENGANGGUR - PELUANG PEKERJAAN

4. **Cik Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk membuka/memberi peluang kepada Belia-belia yang menganggur (terutama yang berkelulusan dalam bidang Pertanian) yang belum berkeluarga bagi memasuki rancangan FELDA bagi mengatasi masalah pengangguran di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Rancangan-rancangan Tanah FELDA adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berusia antara 18 - 40 tahun, telah berkeluarga, tidak ada tanah dan mempunyai minat untuk bekerja pertanian. Sekiranya ada belia-belia yang dalam lingkungan umur seperti itu, mereka bolehlah mencuba ataupun memohon kepada FELDA untuk dipertimbangkan. Bagaimanapun, pada masa ini tidak ada rancangan di pihak FELDA untuk memberi pertimbangan terhadap belia-belia yang dalam keadaan yang sama tetapi belum berkeluarga.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kalau FELDA demikian adanya, bagaimana pula dengan FELCRA?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana FELCRA tidak lagi dalam Kementerian saya dan ianya di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

BEKALAN AIR DI ESTET-ESTET

5. Tuan V.K. Sellapan minta Menteri Kerjaraya menyatakan berkaitan dengan pengumuman oleh Menteri mengenai bekalan air untuk estet-estet dan lombong-lombong beberapa ketika dahulu.

- (a) berapakah peruntukan telah diberi bagi melaksanakan projek ini;
- (b) berapa banyak estet dan lombong telah dibekalkan air dalam rancangan ini;
- (c) sekiranya pelaksanaan rancangan projek tersebut agak lambat, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini; dan
- (d) bilakah rancangan ini dijangka siap sepenuhnya di seluruh tanah air kita.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhat Wan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Rancangan yang di bawah tanggungjawab Kementerian Kerjaraya yang sedang dilaksanakan ialah Rancangan Khas Bekalan Air Luar Bandar yang juga dapat membekalkan air kepada estet-estet tertentu dan tidak kepada lombong-lombong. Rancangan Khas tersebut sedang dilaksanakan secara "turn-key" oleh Syarikat Antah Biwater Joint Venture dan bernilai sebanyak \$1,4 billion. Di samping itu, Kerajaan juga memperuntukan tambahan sebanyak \$211 juta untuk memasang sistem agihan dan retikulasi yang akan berjalan serentak dengan perlaksanaan skim-skim di bawah Rancangan Khas ini.

Paip-paip retikulasi ini akan dipasang berhampiran dengan kawasan-kawasan estet dan pihak majikan estet tertentu boleh menikmati bekalan air yang bersih dengan hanya menyambung saluran-saluran paip daripada kawasannya kepada sistem paip air JKR dengan kos yang minima. Dalam hal ini, semua perbelanjaan pemasangan saluran-saluran paip dan penggunaan air kemudian adalah ditanggung oleh pihak majikan estet-estet tersebut.

Di bawah rancangan khas tersebut sebanyak 267 buah estet di seluruh negara telah dikenalpasti yang boleh dibekalkan air oleh pihak JKR jika pihak majikan estet-estet tersebut sanggup menyambung saluran paip daripada estet-estet kepada saluran paip JKR.

Sistem agihan dan retikulasi akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan negeri serentak dengan skim-skim bekalan air yang dibina di bawah rancangan khas ini dan dijadualkan siap pada tahun 1991.

Kementerian Kerjaraya menjangka tidak akan berlaku apa-apa kelewatan dalam pelaksanaan sistem retikulasi ini. Walau bagaimanapun, sama ada estet-estet dapat menerima bekalan air atau tidak adalah terpulang kepada majikan estet untuk membuat sambungan-sambungan paip daripada pihak JKR ke rumah-rumah estet.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya pihak majikan itu enggan memberikan kerjasama bagi menyediakan saluran paip, apakah tindakan yang dicadangkan oleh Kementerian Kerjaraya terhadap majikan estet yang tidak mahu memberikan kerjasama itu?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tentu sekali meneliti keadaan daripada estet-estet tersebut jika betul-betul pihak estet itu tidak mampu daripada bidang kewangan, kita boleh mencari jalan lain ataupun jikalau pihak estet itu memang dengan sengaja tidak mahu menyambungkan paip daripada paip JKR ke rumah-rumah pekerja estet yang tersebut, kita pun mesti menyelesaikan perkara ini dengan berunding dengan majikan estet tersebut.

DASAR ISLAMISASI

6. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) bagaimana perjalanan proses Islamisasi di negara ini, seperti mana yang pernah dilaungkan sedikit masa dahulu;
 - (b) bagaimanakah tahap pelaksanaan dan pencapaiannya di dalam semua bidang setakat ini; dan
 - (c) apakah langkah yang sedang dan akan dilaksanakan ke arah matlamat tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, (i) Kerajaan tidak pernah mempunyai dasar Islamisasi. Apa yang diisytiharkan oleh Kerajaan dalam tahun 1982 ialah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran negara.

Antara objektif dasar ini adalah seperti berikut:

- (a) untuk menanam semangat tintakan nilai-nilai suci dan murni dalam Islam;
- (b) untuk menanam sifat menghormati kebaikan dan membenci keburukan;

- (c) untuk membentuk sikap yang berguna iaitu kasih dan cintakan kepada negara;
- (d) untuk menghapuskan sikap negatif dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan;
- (e) untuk menghasilkan perkhidmatan yang bermutu;
- (f) untuk melatih diri dengan disiplin; dan
- (g) untuk melahirkan pekerja-pekerja yang dapat melaksanakan amanah dengan dedikasi.

(ii) Perlaksanaan dasar ini merupakan usaha yang berterusan untuk membentuk sikap dan akhlak individu pegawai dan kakitangan Kerajaan. Pembentukan sikap dan akhlak ini adalah merupakan satu proses pendidikan secara formal dan tidak formal yang bermula dari rumah, sekolah dan seterusnya di tempat kerja. Pendidikan di tempat kerja atau dalam perkhidmatan, adalah dalam bentuk seperti berikut:

- (a) mengadakan kursus-kursus dan latihan;
- (b) mengadakan kempen-kempen kesedaran; dan
- (c) menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk mengawal dan mencegah perbuatan dan amalan yang buruk atau bertentangan dengan nilai-nilai murni yang hendak diterapkan itu.

(iii) Di samping itu Kerajaan telah melaksanakan berbagai usaha bagi meninggikan syiar Islam di negara ini selaras sebagai agama rasmi negara. Strategi yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (a) mempertingkatkan taraf ekonomi, sosial dan pelajaran umat Islam di negara ini supaya setanding dengan lain-lain kaum;
- (b) mempertingkatkan tahap pengetahuan dan ketanaman mengenai ajaran agama Islam melalui dasar pendidikan

- kebangsaan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti dan melalui aktiviti dakwah Islamiah;
- (c) mempertingkatkan penghayatan ajaran Islam di kalangan umat Islam dengan mengadakan berbagai kemudahan fizikal seperti masjid, surau dan bantuan-bantuan kewangan untuk rancangan-rancangan bagi maksud ini;
 - (d) memperkemas dan meningkatkan kecekapan pentadbiran hal ehwal agama Islam bagi negeri-negeri;
 - (e) menubuhkan institusi-institusi ekonomi dan kewangan Islam seperti Bank Islam, Syarikat Takaful Islam dan Koperasi Islam; dan
 - (f) menerapkan nilai-nilai Islam dalam undang-undang dan institusi-institusi pentadbiran secara harmoni. Antara langkah-langkah yang sedang dijalankan ialah menyelaraskan undang-undang awam (sivil) dengan undang-undang syarak dan menggubal skim pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan pegawai-pegawai Kerajaan mengikut lunas-lunas Islam.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengadakan dasar penerapan nilai-nilai Islam. Soalan saya, di samping melatih perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adakah tiap-tiap Kementerian mempunyai satu masa khas untuk seluruh umat Islam daripada kakitangan Kerajaan untuk mengadakan kursus ataupun kelas agama?

Kedua, adakah dalam kelas-kelas itu di samping mengajar ilmu yang lain juga mengajar kaum wanita terutamanya memakai kain furdah atau memakai telekung, kalau pakai telekung secara macam gadis-gadis di belakang itu cantik juga semuanya. Ini sehingga nampak dua bijak mata kadang-kadang kalau jumpa di waktu malam pula kita takut. Adakah ini satu daripada yang diajarkan kerana saya nampak banyak yang pakai tiru-tiru ini dua bijak mata sahaja nampak. Sudahlah begitu pakai kain hitam pula. Adakah ini semua yang diajarkan, saya ingin tahu dari Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian-kementerian tidaklah menenapkan satu masa bagi memberikan kursus-kursus dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam tetapi pihak Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan tugas ini melalui Pusat Islam dengan mengaturkan kempen-kempen, ceramah-ceramah di seluruh, Kementerian atau jabatan Kerajaan yang ingin kepada penerangan melalui penerapan nilai-nilai Islam ini sebagaimana bagi orang-orang yang mengetahui tentang hukum-hukum Islam tutup aurat itu adalah satu hal yang wajib, sekadar yang wajib ditutup oleh seorang wanita Islam yang kita ajarkan. Jadi yang melebihi menutup kita tidak ada kuasa hendak mencegahnya daripada menutup yang lain, yang lebih daripada itu.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah meleluasanya gelagat kemungkaran dalam masyarakat kita seperti rasuah, penipuan keenggaran perintah dan lain-lain seperti itu merupakan reflection in adverse, dengan izin, kepada usaha-usaha Kerajaan melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam tadi?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, perkara rasuah, penipuan dan engkar perintah ini ialah satu hal yang berlaku sebelum daripada penerapan-penerapan nilai-nilai Islam dijalankan. Salah satu perkara yang menjadi dasar, menjadi asas kepada kursus-kursus ataupun perancangan penerapan nilai-nilai Islam ini ialah hendak mengurangkan. Kita ada garis panduan dalam buku ini yang panjang lebar menjelaskan. Salah satu daripadanya ialah soal hendak mengelakkan diri kakitangan Kerajaan, hendak menerangkan kepada kakitangan bahawa rasuah itu adalah satu dosa yang tidak boleh dilakukan. Penipuan juga satu dosa yang tidak boleh dilakukan. Ini adalah jelas sekalilah dalam soal Islam ini salah satunya saya hendak menyebut tentang kita hendak menerapkan nilai-nilai khas bagi seorang Islam. Misalnya untuk orang-orang Islam sahaja, sifat iman, bertaqwa, menjadi seorang insan yang baik. Itu soalnya yang kita jelaskan.

Bagi orang-orang awam yang lain, orang umum yang lain, banyak, berpuluh-puluh kita terapkan, 27 yang telah diterapkan. Yang telah diputuskan bagaimanakah hendak membentuk seorang pegawai Kerajaan, hendak membentuk seorang insan yang baik, bagi orang Islam kita tetapkan, yang khusus bagi orang Islam yang tahu akan pengertian iman yang sebenar, misalnya. Kalau dia sudah beriman, dia seorang berpelajaran, beriman, bertaqwa, insya Allah dia tidak akan menerima rasuah, dia juga tidak akan menjalankan penipuan. Dia juga tidak ponteng kerja, insya Allah. Kalau dia tidak ada iman, dia ada pelajaran sahaja, tidak beriman, tidak bertaqwa kepada Allah,

wallahualam, saya pun tidak dapat hendak menjangkakan kegiatan itu.

Tetapi pihak Kerajaan kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memberikan kursus-kursus penerapan nilai-nilai Islam. Tetapi tidak mungkin bahawa hendak meliputi hampir 800,000 kakitangan, sudah pasti jangka masa yang panjang adalah diperlukan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, setelah penerapan nilai-nilai Islam ini ditekankan kepada pegawai-pegawai Kerajaan sejauh manakah pencapaian dan keberkesanannya telah tercapai?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pencapaian atau keberkesanan ini adalah sukar untuk diukur dalam jangka masa yang pendek **ini**. Sebabnya ialah ia perlu dilihat melalui perubahan sikap. Perubahan sikap ini tidak, boleh diukur dengan percentage - 50%, 20% tetapi kita mengharapkan bahawa kakitangan Kerajaan, pegawai Kerajaan yang telahpun melalui kursus penerapan nilai-nilai Islam yang dianjurkan oleh Kerajaan ini akan berubah sikap.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

7. **Tuan Jaafar bin Haron** minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu untuk meningkatkan lagi penerapan Nilai-nilai Islam mengapakah Kerajaan tidak bercadang menayangkan gambar Umat Islam sedang "Sembahyang Fardhu" di waktu masuk Fardhu Sembahyang, umpamanya Fardhu Maghrib masuk waktu jam 7.03 minit petang tidak setakat azan waktu Maghrib sahaja dan begitulah seterusnya untuk kelima-lima waktu sembahyang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, cara Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam tidaklah mata-mata dengan menyiarkan gambar-gambar

umat Islam menunaikan sembahyang fardhu sepertimana sedia dilakukan pada hari Jumaat sahaja. Banyak langkah-langkah lain dijalankan melalui penyebaran nilai-nilai serta ajaran-ajaran Islam melalui rancangan-rancangan tertentu di radio dan televisyen.

Oleh itu penyiaran seluruhnya gambar umat Islam menunaikan sembahyang-sembahyang fardhu di masjid-masjid sebanyak 5 kali sehari semalam tidaklah munasabah dan tidak akan membawa banyak faedah dan sudah tentu membuatkan rancangan-rancangan menjadi sangat membosankan. Sudah memadai menyiarkan gambar umat Islam bersedia untuk sembahyang di masjid sewaktu azan disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Nordin Selat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8

KOMPLEKS SUKAN DI LUAR BANDAR

8. **Tuan Azman Atar bin Othman [di bawah S. 0. 23(2)]** minta Menteri Belia dan Sukan memberitahu status projek Kompleks Sukan di Luar Bandar. Apakah faedahnya kepada masyarakat kampung.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, projek kompleks sukan di luar bandar merupakan suatu Projek Pembangunan Kemudahan Sukan Bandar-Bandar Kecil di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Di antara faedah-faedahnya ialah:-

- (i) Kemudahan ini dapat membantu masyarakat kampung melibatkan diri dalam kegiatan sukan;
- (ii) Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti ini dapat menghindar golongan belia dari terjerumus dalam aktiviti-aktiviti yang tidak diingini.

- (iii) Sebagai suatu tempat di mana masyarakat dapat berinteraksi antara satu sama lain dan melalui sukan dapat menjalinkan ikatan kekeluargaan yang lebih kukuh.
- (iv) Kompleks-kompleks sukan jika mengandungi dewan, boleh digunakan untuk kursus ceramah dan majlis keraian seperti kenduri-kendara.

Memandangkan kepada faedah-faedah yang dapat dipupuk dengan adanya kompleks sukan Luar bandar adalah menjadi hasrat Kementerian untuk menubuhkan kompleks-kompleks tersebut di serata negeri.

Bagi tahun 1988, peruntukan yang telah diluluskan ialah sebanyak \$2 manakala bagi tahun 1989 peruntukan yang diluluskan ialah sebanyak \$4 iaitu tambahan sebanyak \$2 juta. Sehingga kini Kementerian telahpun mengambil tindakan menjalankan kerja-kerja membina kompleks sukan di beberapa tempat seperti di Perlis, Pahang, Kelantan dan Sarawak. Pemilihan tempat untuk membina kompleks sukan di luar bandar adalah bergantung kepada perundingah Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kompleks sukan iai tadi saya lihat daripada peruntukan itu agak kecil jugalah tetapi cita-cita Kementerian itu patut kita sanjungi dan beri tahniah. Jadi oleh kerana kemungkinan peruntukan ini lebihnya dari segi pembinaan infrastruktur, dari segi bangunan dan sebagainya, jadi dari segi pengendalian macam mana - adakah secara sukarela ataupun pihak Kementerian menyediakan kakitangan khas?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pengendalian kompleks sukan ini, Tuan yang di-Pertua, akan diserahkan kepada pihak Majlis-majlis Daerah untuk mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Koh Im Pin.

Tuan Koh Im Pin: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9. Sebelum jawapan diberi, di sini saya minta dibetulkan perkataan "lesen-lesen juga adalah susah didapati" bukan "sukar didapati".

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya sama juga. Persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

RANCANGAN PERIKANAN LAUT DALAM

9. **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Pertanian menyatakan mengapakah masih ramai daripada penduduk Malaysia yang menganggur sedangkan Rancangan Perikanan Laut Dalam telah banyak mengambil pekerja-pekerja asing terutamanya dari Negara Thai. Lesen-lesen juga adalah susah didapati bagi menjalankan kegiatan menangkap ikan dan udang oleh nelayan tepi laut.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah memberi kelonggaran ke atas penggunaan nelayan-nelayan asing di atas bot-bot laut dalam tempatan tetapi hanya terhad kepada jawatan-jawatan penting seperti Taikong, Jurupukat dan Juruengin. Ini adalah disebabkan oleh masalah untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan yang berkemahiran dan sanggup bekerja di atas bot laut dalam. Dalam masa yang sama juga Kerajaan sedang berusaha untuk melatih lebih ramai warganegara tempatan misalnya melalui Angkatan Nelayan Laut Dalam untuk menyediakan nelayan-nelayan tempatan yang berkemahiran, tahan lasak dan sanggup tinggal lama di laut dalam.

Pengeluaran lesen bot dan perkakas menangkap ikan di tepi pantai telah dibekukan sejak 1978 kerana jumlah lesen yang sedia ada telah melebihi daripada yang dapat ditampung oleh sumber perikanan di kawasan tersebut. Jika lesen-lesen baru terus dikeluarkan, ianya akan memberi kesan yang teruk terhadap sumber dan mata pencarian nelayan yang sedia ada akan terancam. Yang demikian, hasrat Kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf hidup nelayan tidak akan tercapai.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat sejak rancangan perikanan laut dalam dilancarkan oleh Kementerian Pertanian, saya mendapat maklumat bahawa ramai nelayan-nelayan tempatan yang botnya dirampas dan ada yang terpaksa masuk ke dalam lokap. Saya ingin mendapat tahu berapa ramai yang tertangkap dan dimasukkan, ke dalam lokap dalam tahun ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap tentang nelayan laut dalam, belum timbul lagi soal tangkapan ini. Tetapi berhubung dengan pencerobohan yang dilakukan di kawasan pantai, maka ini memang ada. Tetapi angkanya itu tidak dapatlah saya hendak nyatakan. Berhubung dengan soal tangkap atau lokap itu tidak timbul, tidak ada. Cuma kita memberi amaran kepada mereka.

LATEKS - SISTEM KUTIPAN CARA POLIBEG

10. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil penyelidikan sistem kutipan lateks dengan polibeg, adakah ianya telah diperkenalkan kepada pekebun-pekebun. Jika belum apakah sebab-sebabnya.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, sistem kutipan lateks cara polibeg telahpun dikaji oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan kutipan getah beku dalam polibeg telahpun disyorkan kepada pekebun. Sehingga kini sejumlah 30,000 pokok telah dipasang alat kutipan polibeg di sektor pekebun kecil. Cara kutipan begini sesuai ke atas kebun yang berbukit dan berjauhan yang mana kutipan lateks cair memberi masalah dari segi pengangkutan di samping mendapatkan getah buku yang bersih dengan cara ini.

Satu lagi kaedah kutipan lateks ialah sistem kutipan lateks cair dalam polibeg. Kaedah kutipan lateks cair ini sedang dimajukan oleh RRIM dan sistem ini belum diperkenalkan kepada pekebun-pekebun kecil kerana ada beberapa perkara teknikal dan masalah yang masih perlu dikaji dengan mendalam oleh RRIM sebelum ianya diperkenalkan, terutama dari segi masalah mengekalkan getah cair dalam tempoh dua hingga tiga minggu dan juga menjamin kualitinya tidak jatuh bila disimpan dua hingga tiga minggu dalam polibeg sebelum dikutip.

Adalah satu masalah yang kita tidak boleh atasi ialah dengan menggunakan polibeg untuk mengutip lateks cair adalah terdapat golongan pekebun kecil yang baru datang iaitu golongan pekebun kecil yang tidak ada pokok getah, tidak ada tong, tidak ada pisau atau tangga tetapi ada banyak lateks cair. Ini adalah pencuri yang mencuri dari polibeg. Ini masalah keselamatan lateks cair yang kita, susah hendak mengatasi.

HOSPITAL BESAR BARU SIBU

11. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji bahawa Kerajaan Pusat akan membina rumah sakit baru di Sibu ketika beliau merasmikan Pembukaan Dewan Suarah Sibu bulan Julai yang lepas:

- (a) berapakah peruntukan akan disediakan untuk projek ini bagi tahun depan; dan
- (b) bilakah pembinaan itu akan bermula dan dijangka akan siap.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, jawapan adalah seperti berikut:

- (a) Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk memulakan pembinaan Hospital Besar Sibu dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Jumlah anggaran kos projek ini adalah sebanyak \$90 juta. Peruntukan yang disediakan untuk tahun 1989 adalah sebanyak \$3 juta untuk kerja-kerja menyediakan tapak pembinaan yang dijangka mula pada awal tahun 1989 dan siap pada akhir tahun 1989
- (b) Pembinaan projek ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun 1990 dan siap pada pertengahan tahun 1993 iaitu tiga setengah tahun untuk disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Pengerusi, dengan izin, soalan No.12.

KUASA MENGURUS/MENGAWAL WANG PERUNTUKAN

12. **Puan Rokiah binti Zainuddin [di bawah 5.0.23(3)]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi kuasa penuh kepada Angkatan Tentera Malaysia bagi mengurus dan mengawal wang peruntukan bagi pengurusan dan pembangunan. Jika Kerajaan bercadang berbuat demikian, nyatakan sama ada pihak Angkatan Tentera Malaysia akan mempunyai kuasa penuh untuk memperolehi segala peralatan dan senjata pertahanan negara tanpa gangguan daripada mana-mana pihak.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Kassim bin Abmed]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Pertahanan.

Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk meminda sistem mengurus dan mengawal wang peruntukan bagi peruntukan mengurus dan pembangunan yang sedia ada dan yang sedang dijalankan. Kuasa mengurus dan mengawal kewangan adalah terletak di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan dan diwakilkan (delegated) kepada Ketua Setiausaha satu-satu Kementerian mengikut Akta Kewangan yang sedia ada. Peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kewangan tidak memperuntukkan Angkatan Tentera Malaysia mengurus dan mengawal kewangan.

Kementerian Pertahanan berpuas hati dengan sistem yang sedia ada. Apa yang perlu dilakukan adalah meningkatkan keberkesanan peraturan mengurus dan mengawal peringkat Kementerian bagi memastikan peruntukan dibawah belanja mengurus dan peruntukan pembangunan dibelanjakan ke peringkat optima, selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari masa ke semasa.

PERLAWANAN BOLA SEPAK PIALA MALAYSIA - KEKECOHAN

13. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilangan orang yang ditangkap akibat jadi kecoh masa perlawanan bolah Piala Malaysia antara Kedah dengan Sarawak di Stadium Kuching, Sarawak di mana akhirnya permainan tersebut dibatalkan, nyatakan berapa ramai yang cedera dalam kes tersebut dan adakah Kementerian sedar boleh dikatakan setiap kali diadakan pertandingan sukan di negara ini sekarang penonton-penonton mengadakan wang pertaruhan sebagai judi yang mana pasukan akan menang dalam pertandingan tersebut, jika Kementerian sedar perkara ini berlaku apakah tindakan Kementerian patut lakukan untuk mengatasi perkara tersebut dari jadi kecoh.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: tuan Yang di-Pertua, pada 29.10.88 semasa kejadian kecoh berlaku di Stadium Kuching, Sarawak sewaktu perlawanan bola sepak separuh akhir Piala Malayia berlangsung di antara Kedah dan Sarawak, hanya dua orang ditangkap dan dituduh di Mahkamah kerana memiliki senjata berbahaya di bawah Seksyen 6(1) Ordinan Bahan Letupan dan Senjata Merbahaya. Dalam kejadian kecoh tersebut, tiada sesiapa pun mendapat kecederaan.

Mengenai kegiatan pertaruhan judi semasa pertandingan sukan oleh penonton-penonton, pihak polis sedar atas kegiatan tersebut. Walau bagaimanapun masalahnya ialah untuk mendapat bukti dan pihak Polis sentiasa mengawasi kegiatan tersebut dan jika dapat dikesan dan ada bukti yang konkrit, mereka yang terlibat boleh dituduh di bawah Ordinan Pertaruhan 1953.

PENINGKALAN TUDM DI SABAH

14. **Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan Peningkalan Angkatan Tentera Udara di Sabah selain daripada yang sedia ada di Labuan, serupa dengan tindakan menambah Peningkalan Tentera Laut yang akan dibuat di Sandakan sesuai dengan keperluan keadaan semasa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menjawab bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Pertahanan.

Kerajaan tidak ada rancangan untuk menambah Peningkalan-peningkalan TUDM di Sabah selain dari yang sedia ada di Labuan. Buat masa ini Peningkalan TUDM yang ada di Labuan berkemampuan mengawal pertahanan udara di Sabah.

TEMPAT PELANCONGAN DI MALAYSIA

15. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada benar rungutan pelancong-pelancong luar negeri bahawa risalah-risalah berkaitan dengan tempat-tempat pelancongan dalam negeri kita kurang dan risalah-risalah tersebut tidak terdapat di dalam pesawat kapalterbang. Jika benar, apakah usaha Kementerian. Kebudayaan dan Pelancongan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, rungutan pelancong-pelancong luar mengenai kekurangan risalah-risalah berkaitan dengan tempat pelancongan dalam negeri adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah risalah pelancongan yang diterbitkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia yang diederkan kepada Pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di seberang laut, kedutaan, syarikat-syarikat penerbangan dan pihak-pihak tertentu. Risalah-risalah tersebut ialah:

- (i) Vacationland Malaysia
- (ii) Malaysia a General Guide;
- (iii) Travel Planner
- (iv) Special Intereat
- (v) Map and Guide Series
- (vi) Bahan-bahan seranta
- (vii) Poster
- (viii) Visitors Guide Series

Usaha ini dibuat untuk menyebarkan maklumat mengenai pelancongan negara ini dengan seluas-luasnya. Di samping itu risalah-risalah pengusaha pelancong luar negeri yang mengadakan lawatan ke Malaysia juga memberikan maklumat pelancongan negara. Namun begitu

perlu dinyatakan bahawa adalah mustahil dan tidak praktik untuk Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia mengeluarkan semua risalah ini di seluruh dunia memandangkan bahawa ini memerlukan peruntukan yang sangat tinggi. Oleh itu risalah-risalah ini hanya dapat didedarkan melalui pejabat-pejabat Kerajaan di luar negeri dan di pasaran-pasaran yang telah dikenalpasti mempunyai potensi pelancongan.

Berhubung dengan meletakkan risalah-risalah di tiap-tiap tempat duduk pesawat MAS ini memerlukan belanja yang besar. Untuk mengatasi masalah ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dan Penerbangan Malaysia memasukan tulisan dan maklumat mengenai tempat-tempat pelancongan di Malaysia di dalam Majalah "Wing's of Gold" dari masa ke semasa di dalam majalah syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa risalah risalah yang kami dapati di dalam pesawat kapalterbang MAS cuma adalah risalah pelancongan dari negeri Terengganu? Adakah risalah tersebut dibayar oleh pihak negeri yang berkenaan ataupun ditanggung oleh TDC? Kenapa risalah lain-lain negeri tidak ternampak dalam pesawat MAS?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan bahawa Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Malaysia ada memuatkan bahan-bahan dan tulisan-tulisan dari semasa ke semasa di dalam majalah 'Wings of Gold' dalam Syarikat Penerbangan Malaysia. Namun begitu, adalah digalakkan juga Kerajaan-kerajaan. Negeri ataupun pihak-pihak mana sahaja yang ingin memuatkan maklumat-maklumat pelancongan ataupun product pelancongan yang ingin mereka ketengahkan memasukkan bukan sahaja di dalam majalah 'Wings of Gold' tetapi juga dalam sebarang majalah-majalah yang boleh meningkatkan pelancongan dan ini memang digalakkan oleh Kementerian. Dan perkara mengenai memuatkan maklumat-maklumat, ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sentiasa dirundingkan oleh pihak-pihak berkenaan dengan Kementerian saya.

Tuan Hassan bin Harun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sama ada pihak Kementerian membuat penyemakan kepada risalah-risalah yang dikeluarkan oleh semua negeri-negeri dan juga oleh pihak-pihak yang ada kaitan dengan TDC dalam masa menyebarkan risalah-risalah ini sebab didapati di antara lainnya gambar-gambar dan juga maklumat-maklumat yang terdapat dalam risalah-risalah ini adalah 'out-of-date'. Misalnya, dalam salah satu risalah umum mengenai Malaysia tidak langsung menyebut misalnya mengenai jalan. daripada Gua Musang ke Kuala Lumpur melalui Kuala Lipis yang sekarang ini boleh dijadikan tempat yang amat menarik kerana scenerynya indah dan sebagainya. Selain daripada itu, gambar-gambar, misalnya gambar-gambar tempat pelancongan, yang diambil saya rasa tak kurang dari 7-8 tahun dahulu, masih lagi diprint dan gambar-gambar inipun tidak berapa jelas lagi.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian mengakui sedar bahawa terdapat risalah-risalah yang telah 'out-of-date'. Namun begitu, kita telah minta terutamanya pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang ingin memasarkan produk pelancongan bagi negeri masing-masing supaya mengambil tindakan segera bagi mengemaskinikan maklumat-maklumat yang berlaku memang begitu cepat sekali dalam negara kita. Pihak yang berkenaan telahpun memaklumi perkara ini dan telah mengambil tindakan untuk memastikan bahawa risalah-risalah baru yang dikeluarkan adalah risalah-risalah yang lebih kemaskini dan lebih cantik sama ada dari segi tempat-tempat pelancongan bahkan 'quality paper', dengan izin, sendiripun diberi perhatian.

Mengenai risalah-risalah yang dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan pula, kita telahpun membaiki perkara ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan. Yang pertama, ialah sehingga sekarang daripada rantau manakah pelancong yang ramai dan berminat datang ke Malaysia?

Yang kedua, pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia ini berapa banyakkah pula yang telah menghasilkan sumber kewangan negara dalam membeli-belah atau dalam miut mereka terhadap kraftangan di Malaysia.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bahagikan kemasukan pelancong-pelancong ke negara kita kepada dua. Satu, kita bahagikan kepada negara-negara ASEAN, maka Singapura adalah merupakan negara yang teramai sekali mengunjungi negara kita, iaitu dalam tahun 1988 sehingga September adalah dianggarkan 2.3 juta pelancong. Dan jumlah pelancong yang masuk ke negara ASEAN

dalam tahun 1988 sehingga September ialah 2.5 juta orang. Jumlah yang kedua teramai dalam negara ASEAN ialah negara jiran kita, Thailand. Bagi negara-negara lain, Jepun adalah merupakan pelancong yang teramai sekali datang ke negara kita, iaitu sehingga September yang baru lalu dianggarkan 154,300 orang dan selain daripada itu, Australia, Amerika Syarikat, India, U.K., Hongkong, Taiwan, West Germany, New Zealand, France dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kedatangan, pelancong Jepun ini adalah satu yang agak menggalakkan kerana dalam tahun 1988 ini kadar kedatangan pelancong dari negara Jepun ialah sebanyak 15% sehingga September yang mana matlamat yang kita telah buat di tahun lalu ialah 7% lebih, tetapi ini telah meningkat kepada 15%.

Mengenai pendapatan, saya ingat saya tidak dapat hendak memberi angka yang tepat. Walau bagaimanapun, untuk makluman. Ahli Yang Berhormat, pendapatan bagi pelancongan negara kita pada tahun 1988 ini dianggarkan sehingga September yang lalu ialah 51,400 juta lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 41 adalah

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAH 1989****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (6hb Disember, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Chai Ho menyambung ucapan beliau, dipersilakan.

3.38 ptg.

Tuan Tan Chai Ho: Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan terdapat, lebih kurang 3,000 buah agen urusan cukai pendapatan di seluruh negara. Setengah-setengahnya telah menjalankan urusniaganya selama lebih kurang 30 tahun, 20 tahun atau 10 tahun. Setengah-setengahnya juga memiliki Ijazah Akauntan dari Taiwan atau Singapura yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan manakala setengah-setengahnya memiliki Diploma Akauntan, Sementara itu ada juga yang berpengalaman dalam hal urusan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan agen urusan cukai pendapatan ini mempunyai pengalaman menguruskan hal kira-kira dan cukai pendapatan. Sekiranya tindakan diambil terhadap mereka, ini bermakna, mereka akan hilang mata pencariannya. Saya memang menyokong tindakan Kerajaan bagi melantik 1,000 orang pemegang ijazah bumiputera sebagai agen urusan cukai pendapatan yang berlesen, akan tetapi saya juga berharap peluang ini juga harus terbuka kepada agen urusan cukai pendapatan yang sedia ada.

Saya mengemukakan beberapa cadangan berikut kepada Kementerian Kewangan demi membolehkan lesen ejen urusan cukai pendapatan dapat dikeluarkan kepada ejen urusan cukai pendapatan yang haram ini.

- (i) Sesiapa yang memiliki kelayakan ijazah atau diploma yang setaraf dan telah berkecimpung dalam profesional ini selama 5 tahun atau lebih harus diberikan lesen ejen urusan cukai pendapatan selepas memohonnya.
- (ii) Sesiapa yang memiliki sijil sekolah menengah atau yang setaraf dengannya dan telah berkecimpung dalam profesional ini selama 7 tahun atau lebih juga harus diberi lesen ejen urusan cukai pendapatan selepas memohonnya.
- (iii) Sesiapa yang boleh menunjukkan bukti bahawa dia telah bekerja di Jabatan Cukai Pendapatan atau pernah dipelawa oleh syarikat akauntan selama 10 tahun atau lebih dan juga telah menjalankan urusan niaganya sekurang-kurangnya 3 tahun lesen ejen urusan cukai pendapatan juga harus diberi kepada mereka selepas memohonnya.
- (iv) Sesiapa yang belum memenuhi kelayakan tersebut atau tanpa sebarang pengalaman tetapi telah berkecimpung di dalam profesional ini selama 3 tahun harus digalakkan mengikuti program latihan yang dijalankan oleh Jabatan berkenaan. Selepas tamatnya latihan mereka-mereka juga harus diberikan lesen ejen urusan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaan cukai jualan daging babi dan kambing yang sebanyak 5% pada tahun depan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan para pengguna. Ini adalah kerana daging merupakan makanan utama harian manusia. Sekiranya cukai jualan daging-daging ini, termasuk daging lembu, ditetapkan sebanyak 5%, ini bermakna harganya akan turut naik. Lantaran itu sebgaiian besar daripada golongan berpendapatan rendah akan menerima padahnya iaitu perlu membayar lebih semasa membeli daging, disamping itu pelaksanaan cukai jualan daging juga akan mempengaruhi harga daging yang lain. Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan menimbang-kan supaya memansuhkan cukai jualan yang sebanyak 5% itu dengan kepentingan para pengguna

Tuang Yang di-Pertua; biarlah saya mengakhiri perbahasan ini dengan satu lagu patriotik Cina yang berbunyi seperti berikut -

"Wo men sen chai cher ini, wo men chiangda cher
ni, wo men bau fu ta, ai fu ta; sui ye bu nen she
fu ta yin wui cher ni se wo men de kuo shar."

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, bolehkah Ahli Yang Berhormat memberi ucapan itu dalam Bahasa Kebangsaan?

Tuan Tan Chai Ho: Dengan izin, dalam Bahasa Malaysia berbunyi seperti berikut:-

"Kita dilahirkan di sini, di besarkan di sini"

Kita mempertahakannya dan menyayanginya,

Sesiapa pun tidak boleh menyalahinya,

Ini adalah kerana Malaysia adalah tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita berganding bahu dan berusaha untuk memajukan negara kita supaya Malaysia setanding dan setaraf

dengan lain-lain negara maju seperti yang diharapkan oleh pemimpin-pemimpin kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik.

3.45 ptg.

Tuan Wong Kie Yik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Belanjawan tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bahawa Kerajaan telah menurunkan kadar Cukai Perbadanan dari 40% ke paras 35% sahaja. Ini adalah satu langkah yang wajar dan sangat memerlukan untuk iklim pelaburan yang lebih menyenangkan dan seterusnya akan menarik lebih banyak pelabur-pelabur asing ke Malaysia. Ini akan mendorong atau mempertingkatkan pembangunan ekonomi negara yang lebih teguh. Walau bagaimanapun, saya rasa pihak Kementertan Kewangan perlu memberi pertimbangan ke atas pemansuhan perbelanjaan elaun layanan dalam proses mengira Cukai Perbadanan. Bagi kebanyakan perniagaan keadaan yang tidak membenarkan ini adalah sesuatu.....

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat minta penjelasan dahulu?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya kurang faham apa yang dimaksudkan dengan ayat yang penghabisan tadi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat ulang?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Berkenaan dengan cukai, bolehkah ulang?

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat ulang semula mengenai masalah cukai tadi.

Tuan Wong Kei Yik: Walau bagaimanapun, saya rasa pihak Kementerian Kewangan perlu memberi pertimbangan ke atas pemansuhan perbelanjaan elaun layanan dalam proses mengira Cukai Perbadanan. Bagi kebanyakan perniagaan keadaan yang tidak membenarkan ini adalah suatu perkara yang sangat susah untuk diambil kira. Perbelanjaan elaun layanan mesti diterima sebagai alat penting bagi menggalakkan hubungan perniagaan. Adalah diketahui bahawa ekonomi negara-negara seperti Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan Singapura telah berkembang disebabkan eksport secara agresif. Umumnya bagi negara yang telah maju, satu perkara penting adalah peruntukan sumber kepada eksekutif perniagaan untuk tujuan melayan rakan-rakan perniagaannya. Adalah menjadi sebagai bukti bahawa bagi seseorang ahli perniagaan yang boleh melawat negara tersebut mesti juga menerima baik kedatangan mereka ke negara kita. Satu jalan mesti dicari untuk menyelesaikan kes beban hutang bagi membenarkan perbelanjaan, elaun layanan dimansuhkan untuk tujuan Cukai Perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin menyentuh beberapa perkara yang masih menjadi penghalang kemajuan secara menyeluruh peningkatan ekonomi rakyat di Sarawak, walaupun kini Kerajaan sedang berusaha memberi perhatian terhadap perkembangan ekonomi terutama sekali rakyat di luar bandar atau lebih jelas rakyat di kawasan pedalaman dalam Bahagian Sibuan dan Kapit di Sarawak. Kita menyentuh tentang kemiskinan mereka inilah masih jauh di bawah paras kemiskinan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan darat masa kini hanya Kanowit atau hubungan jalan raya ke Sibuan atau ke bandar-bandar kini di Sarawak, pekan-pekan lain di hulu Sungai Rajang masih dihubungi hanya melalui sungai seperti Song, Kapit dan Belaga. Rakyat di kawasan pedalaman yang lain hanya dihubungi melalui sampan-sampan yang kecil atau berjalan kaki melintas bukit-bukau. Di Bahagian Sarikei dan Sibuan, pekan-pekan seperti Matu Daro dan Igan masih jauh ketinggalan dari segi pembangunan atau perhubungan jalan raya walaupun kita sudah 25 tahun merdeka dalam Malaysia.

Saya ingin turut menyeru Kerajaan supaya sentiasa peka dengan masalah rakyat di kawasan pedalaman dan mempercepatkan pelaksanaan dan penurapan Trans-Borneo Highway, dengan izin, supaya Kerajaan dapat juga merancang pembangunan jalan raya perhubungan daerah pedalaman kerana ini adalah nadi pembangunan dan harapan rakyat Sarawak khasnya dan Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penerbangan SIA ke Sarawak, saya rasa bahawa hasrat Kerajaan Sarawak untuk membuka ruang udaranya untuk pesawat SIA tidak harus disalahfahamkan.

Kerajaan Negeri telah berusaha memajukan industri pelancongan di Sarawak oleh kerana SIA selain dari MAS boleh menempatkan Sarawak di mata pelancong dunia. Memandangkan Singapura telah maju dalam bidang ini dan kedudukan geografinya yang boleh memudahkan para pelancong jika mereka ingin ke Sarawak. Masalah ini mungkin tidak dapat diatasi hanya dengan menambahkan penerbangan MAS ke Sarawak. Ini bukannya perkara aneh kerana SIA juga dibenarkan mendarat di Pulau Pinang dan Kuantan dan soal ketaatan Kerajaan Negeri dan rakyat Sarawak tidak harus dipersoalkan kerana ini telah terbukti sejak Sarawak merdeka menerusi Malaysia sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah pengisian jawatan kosong pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung, Kerajaan Pusat harus mengambil kira tentang hasrat Kerajaan Negeri dan rakyat setempat supaya ada persefahaman dalam masalah ini. Sekiranya ada jawatan-jawatan tertentu yang kosong, rakyat Sarawak perlulah diberi keutamaan untuk lebih mengeratkan lagi hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi seruan ikhlas saya kepada Kerajaan Pusat untuk mempercepatkan pelaksanaan berbagai projek di negeri Sarawak khususnya Lapanganterbang Sibu dan Hospital Besar yang sudah lama dinanti-nantikan oleh kerana keadaan ekonomi negara kita telah bertambah baik, lebih banyak belanjawan pembangunan perlu diperuntukkan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan penuh saya kepada Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia semasa lawatannya ke Sabah yang telah mengatakan bahawa bahasa Iban dan Kadazan akan dimasukkan sebagai satu matapelajaran

penuh di sekolah menengah dari tahun 1989. Di samping ini, Kerajaan masih menambahkan daya usaha dalam menggalakkan lebih luas lagi penggunaan Bahasa Malaysia Baku secara betul di semua peringkat sebagai bahasa terumum dan pertuturan. Ini juga membuktikan bahawa Kerajaan kita mengiktirafkan kewujudan perkembangan dan penggunaan secara bebas bagi bahasa-bahasa lain di negara kita yang tercinta sepertimana dijamin dalam Perlembagaan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Belanjawan tahun 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak,
3.57 ptg.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama dalam Ucapan Belanjawan dan Rang Undang-undang itu ialah pemulihan ekonomi negara kita. Demi untuk menggalakkan lebih aktiviti corporate, dengan izin, atau perbadanan serta menarik balik pelaburan asing ke dalam negara kita, Menteri Kewangan telah dengan bijaknya bercadang untuk mengurangkan cukai syarikat daripada 40% ke 30% dari tahun taksiran 1989 serta cuba menghapuskan 5% cukai pembangunan secara beransur-ansur dari tahun taksiran 1990 dan ke atas. Walau bagaimanapun, saya mesti menonjolkan satu perkara iaitu walaupun terdapat pengurangan yang dicadangkan atas cukai syarikat tetapi kadar tersebut masih merupakan kadar yang paling tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara ASEAN.

Kadar bandingan yang tinggi ini bersama-sama dengan penghapusan potongan daripada pendapatan syarikat kebanyakan, perbelanjaan keraian yang dicadangkan serta kos tambang percuma yang diperuntukkan kepada pekerja-pekerja akan menghindarkan daya usaha kita untuk menggalakkan lebih aktiviti-aktiviti perbadanan serta menarik lebih pelaburan ke dalam negara.

Adalah diharapkan juga yang cukai 5% atas faedah yang diperolehi oleh penyimpan simpanan tetap yang lebih daripada 12 bulan, tidak akan memindahkan simpanan tetap kepada negara-negara jiran. Ini adalah kerana kadar faedah atas simpanan tetap pada asalnya adalah rendah kalau dibandingkan dengan negara lain.

Sebenarnya, kita patut menggalakkan simpanan serta mengelakkan matawang kita mengalir ke negara-negara lain. Cukai jualan ke atas barang makanan, bahan binaan adalah amat dikesali sebab ia akan membebankan rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa cukai jualan itu adalah dikutip sepatutnya daripada orang yang kaya. Tetapi orang miskin juga makan daging dan makan biskut. Walau bagaimanapun, kita mesti menyedari yang polisi asas negara kita ini adalah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi supaya negara kita boleh berkembang maju sehingga menjadi suatu negara yang berindustri penuh, kaya serta makmur. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan mencapai kejayaan sekiranya rakyat kita sendiri tidak bertindak balas.

Di kalangan negara-negara ASEAN negara kita adalah merupakan negara yang paling kaya dengan sumber-sumber dalam bentuk tenaga manusia dan juga sumber semula jadi.

Pulau kecil seperti Singapura khasnya tiada sumber semula jadi sama sekali, tetapi sama ada kita bersetuju atau tidak negara ini tetap merupakan negara yang dibangun dengan terbaik sekali, dengan mempunyai lapangan kapal terbang yang terbaik, sistem pengangkutan bawah tanah yang terbaik, serta pelabuhan adalah antara yang terbaik dalam dunia ini. Menurut pendapat saya ia boleh berkembang sehingga demikian adalah kerana penggunaan sumber-sumber manusia optima serta mempunyai polisi-polisi atau dasar-dasar kewangan yang berhemat. Secara bakat atau potential negara kita bukan sahaja

merupakan negara yang terbaik atau yang terkaya di kalangan ASEAN, bahkan di Asia juga. Apa yang kita perlukan adalah menyatupadukan rakyat kita, kerja bersama-sama untuk mempergunakan sumber-sumber yang ada untuk kebaikan semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia memerlukan satu negara yang aman, damai dan kuat, di mana kita boleh hidup dengan riang gembira, tidak syak lagi Kerajaan negara kita juga hendaklah membuatkan negara kita sebagai negara yang dikehendaki, iaitu satu negara dalam mana suasana aman, damai serta harmomi bebas daripada rasa prejudis.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama dalam mewujudkan satu negara kuat tidak lain tidak bukan adalah perpaduan nasional atau perpaduan negara, kerana kita semua tahu perpaduan adalah merupakan kekuatan. Walau bagaimanapun kita semua mesti memahami, yang terutama sekali ahli-ahli politik seperti kita dalam negara yang mempunyai berbilang kaum dan agama, perpaduan dalam kumpulan perkauman tidak semestinya merupakan perpaduan nasional atau perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sejarah ringkas yang belaku di negara kita telah menunjukkan di mana perkauman adalah bersatupadu atau cuba bersatupadu untuk memperjuangkan kepentingan perkauman perpaduan nasional akan terjejas. Perpaduan nasional mungkin akan dicapai sekiranya pemimpin-pemimpin kaum dapat menyatupadukan segala kaum yang berasingan untuk memahami dan menghargai masalah dan kesensitifan kaum lain, dengan tujuan menyatupadu semua kaum dalam negara kita ini, maka ini yang mustahak kerana pada masa yang baru-baru ini, apa yang kita selalu mendengar ialah menyatupadukan orang China, menyatupadukan orang Melayu, menyatupadukan orang India. Apa yang sepatutnya disuruh oleh semua ialah menyatupadukan

semua orang rakyat Malaysia. Maka seruan untuk perpaduan nasional akan hanya tercapai sekiranya terdapat langkah-langkah diambil untuk menuju ke arahnya. Pemimpin-pemimpin sepatutnya memperjuangkan perpaduan nasional secara ikhlas dan memberitahu penyokong-penyokong mereka yang keperluan rakyat Malaysia adalah bukan berdasarkan kaum. Kerajaan serta orang-orang awam sepatutnya menggalakkan serta mendorong semua rakyat Malaysia seboleh-bolehnya bercampur-gaul sesama sendiri lebih lazim, memahami serta membantu mereka dengan tidak mengenali kaum asal mereka.

Pemimpin agama sepatutnya pada masa perhimpunan mereka menggalakkan semua penganut-penganut mereka untuk mengambil bahagian dalam perayaan kebesaran agama lain. Semua mesti cuba sedaya-upaya untuk menghapuskan polarisasi perkauman sama ada dalam taman-taman, kediaman, tempat-tempat kerja, sekolah-sekolah, kolej-kolej atau universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa saya bersekolah, bersama-sama dengan saya belajar dalam bilik darjah adalah orang yang beragama Islam, beragama Hindu, beragama Kristian. Bila Hari Raya semua bercampur-gaul dengan perasaan yang gembira. Tetapi dukacitanya pada masa ini bila ada hari kebesaran nampaknya bukan semua orang yang bercampur-gaul, yang khas sekali di kalangan orang muda. Maka dengan ini saya merayu kepada semua pemimpin supaya mendorong penyokong-penyokong kita, mendorong orang-orang, rakyat Malaysia bercampur-gaul. Orang yang ada belajar bersama-sama dengan saya, ada yang makan bersama-sama dengan saya orang Islam, pada masa ini dia lebih Islam, dia masih kuat menjadi orang Islam. Begitu juga orang yang beragama yang lain bila dia bercampur-gaul dengan orang-orang yang beragama lain, selepasnya dia tidak buang agamanya, tetapi dia memahami agama yang lain.

Maka pemimpin agama sepatutnya pada perhimpunan seperti yang saya mengatakan mendorong penganut-penganut mereka bila hari raya pergi bersama-sama dengan penganut-penganut agama yang lain. Rakyat dari semua kaum mesti mempunyai rasa kebanggaan atas di mana mereka tinggal dalam negara ini. Polisi-polisi atau dasar Kerajaan mesti-lah adil untuk semua rakyat dan dasar baik mesti dilaksanakan secara adil.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kita telah mendengar tuduhan bahawa pelaksanaan DEB itu tidak adil dan juga banyak tuduhan yang bertentangan juga dibuat terhadap kritikan-kritikan yang tidak berasas itu.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan nasional tidak akan wujud dengan hanya membuat tuduhan-tuduhan sahaja. Sama ada betul atau tidak, ada juga takyat Malaysia yang benar-benar merasai mereka tidak diperlukan sebab terlalu kecewa mendapat mereka adalah dilayan tidak adil dan prejudis sama ada dalam sekolah-sekolah, kolej-kolej, universiti-universiti, tempat-tempat kerja atau dalam jabatan-jabatan Kerajaan. Tindakan positif mesti diambil oleh pihak-pihak berkaitan untuk menghapuskan perasaan negatif seperti ini.

Tindakan ini bukan sahaja mesti diambil oleh Kerajaan tetapi juga diambil oleh semua rakyat. Apa yang mendukacitakan rakyat Malaysia pada masa sekarang ini nampaknya ada banyak yang terlalu diobsessed dengan perkauman sehingga bila ada orang Melayu yang hendak berniaga, pasarannya, nampaknya dengan orang Melayu dan bila orang-orang Cina berniaga, ada di antaranya pasarannya barangkali dengan orang Cina. Ini tidak patut berlaku. Maka apa yang semua rakyat Malaysia mesti buat ialah menolong satu sama di antara yang

lain dengan ikhlas. Tidak payah kita merayu kepada Kerajaan bahawa kita mesti berikan kaum ini 50% penyertaan dalam ekonomi atau 90%. Kalau kita sendiri tidak mahu kerja untuk menguatkan ekonomi negara ini sampai kalau kadar ekonomi ini kosong, walaupun kita dapat 90%, 90% darab kosong pun jadi kosong. Ini kita semua belajar dalam sekolah.

Apa yang penting ialah menjadikan negara kita dan kita ada sumber-sumber cukup negara yang terkuat sekali dalam dunia ini, kalau bukan dalam dunia ini, dalam Asia. Kalau ekonomi kita kuat, berikan 1% pun sudah cukup. Ini yang mustahak. Kita sepatutnya mengucapkan syabas kepada Kerajaan atas usaha mereka memperbaiki taraf kehidupan di desa yang berterusan terutama sekali di kampung-kampung. Kebanyakan kampung ini telah diperuntukkan dengan jalan yang baik, dengan surau-surau yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk, dengan masjid-masjid dan juga diberikan bekalan air dan elektrik. Tetapi lebih mesti dibuat, lebih mesti dilakukan untuk mengekalkan kemajuan sekeliling dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama Kerajaan juga tidak lupa akan mereka yang tinggal di kebun-kebun dan kampung-kampung baru. Sekolah-sekolah yang telah diperbaiki dan ramai rakyat dalam kampung-kampung baru telah diberikan haknilik tanah mereka. Bagaimanapun, ada juga di antara kampung-kampung baru kebun-kebun dan estet-estet keadaannya masih buruk. Maka Kerajaan mestilah ambil tindakan mendirikan sekolah baru untuk menggantikan sekolah-sekolah yang sudah lama dan juga kalau boleh memberikan tanah kepada orang-orang yang belum mempunyai tanah khasnya penoreh-penoreh getah di kebun-kebun, di ladang-ladang dan di tempat-tempat lain.

Kita telah mendengar bahawa Kerajaan kita telah mengambil tindakan supaya mengarahkan ladang-ladang itu memberikan tanah bagi pekerja untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah kepada orang-orang yang kerja di sana. Tetapi malangnya sehingga masa sekarang nampaknya ia masih belum dilaksanakan kecuali barangkali di satu, dua tempat sahaja. Seperti dijawab oleh Menteri bila disoalkan, di Negeri Sembilan barangkali ada sebuah ladang besar yang ada memberikan tanah. Tetapi pada tempat yang lain, tindakan cegas mesti diambil supaya orang-orang yang miskin sama ada dalam kampung-kampung baru atau di ladang-ladang atau estet dapat juga faedah-faedah yang telah diberikan kepada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, masa depan masyarakat kita bergantung kepada perkembangan yang benar atas jenis sistem pendidikan yang kita terima pada masa sekarang. Untuk suatu negara yang bersatu-padu dan gembira pada masa akan datang, kita mesti memupuk rasa cintakan tanahair kepada generasi muda kita, rajin, hemat, bertolak ansur, jujur dan berfikiran tulin dan tulus. Untuk mendidik mereka menjadi rajin, kita mesti melatih mereka mempunyai kepercayaan diri sendiri dan bukan seperti, dengan izin, spoon fed, sebaliknya mesti belajar untuk bersaing atau compete dengan orang yang lain dan tidak hanya bergantung kepada handouts yang berdasarkan kaum, agama atau latar-belakang taraf. Pendidikan sebegini sepatutnya dilaksanakan bukan sahaja di sekolah tetapi juga oleh ajaran dan contoh tauladan yang ditunjukkan oleh kita orang dewasa masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman kepada murid-murid atau penuntut-penuntut sepatutnya diberikan kepada penuntut-penuntut yang berkehendakkan dan biasiswa patut diberikan kepada mereka yang layak

menerimanya berdasarkan pencapaian akademiknya. Demi mewujudkan masyarakat yang bertolak ansur, kita perlu menggalakkan rakyat kita untuk bercampur gaul seperti saya katakan tadi sesama sendiri serta saling memahami masalah dan kesensitifan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menguatkan ekonomi kita bukan sahaja kita mesti bekerja kuat, bersatu-padu tetapi kita mesti berjimat dan di atas perkara ini, saya hendak juga menyentuh seperkara dua. Satu di antaranya ialah kilang penapisan minyak di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita sekali saya mendapati daripada laporan bahawa PETRONAS sedang mendapat kemajuan yang baik.

Walau bagaimanapun, saya harap orang awam boleh diberitahu dengan lebih **teliti** terutama sekali atas kilang penapisan minyak Melaka yang akan menelan belanjanya M\$100 juta.

Saya benar-benar merasa yang kajian ekonomi yang lebih cermat mesti dijalankan demi memastikan yang pelaburan adalah dilaburkan dengan tepatnya dan akan mendapat pulangan yang optima sekali serta mempertitikberatkan kepentingan nasional atau kepentingan negara dikehendaki pada keseluruhannya. Angka yang dipetik dalam STAR yang bertarikh 15hb Julai, 1988 ini menyatakan dalam bahasa Inggeris:

"Malaysia sends about 65,000 to 70,000 barrels per day BDP of crude oil for refining overseas at a cost of about US\$75 million a year."

Iaitu Malaysia sedang menghantar lebih kurang 65,000 atau 70,000 tong tiap-tiap hari minyak mentah untuk ditapis di luar negeri dengan harganya lebih kurang US\$75 million. Dan dalam rencana yang sama ia juga mencatatkan, dengan izin:

"PETRONAS can save S6.3 billion processing fees in 20 years with the setting up of a second refinery in Tangga Batu, Malacca. It could also derive a net foreign exchange saving of S5.5 billion and a projected net gain of S4.6 billion".

Maka dalam rencana yang sama ini ia menyatakan PETRONAS boleh menjimatkan \$6.0 billion perbelanjaan processing atau penapisan selama 20 tahun dengan menubuhkan kilang penapisan yang kedua di

Tangga Batu, Melaka dan juga akan mendapat foreign exchange, dengan izin, atau pertukaran wang asing sebanyak \$5.5 billion dan juga akan mendapat keuntungan \$4.6 billion.

Tuan Yang di-Pertua, kos menapis minyak setahun di luar negeri untuk 70,000 tong sehari adalah M\$197.93 million. Dan kalau kita ikut nisbah yang sama 100,000 tong sehari penapisan di luar negeri akan menelan kos sebanyak M\$282.76 million setahun atau \$5.6 satu tong untuk jangka masa 20 tahun. Kita tidak dapat melihat bagaimana kita boleh menjimatkan. 36.3 billion sekiranya kita menganggap yang kos menapis minyak di luar negeri adalah hanya \$5.66 billion dalam masa 20 tahun. Untuk menapis minyak mentah ini akan menelan belanja hanya \$5.66 billion, macam mana kita boleh menjimatkan \$6.3 billion? Ini kita hendaklah mendapat keterangan.

Menurut sumber-sumber tertentu, kos semasa memproses minyak mentah di Singapura adalah lebih kurang US\$90 di antara US90 sen atau US95 sen satu tong atau M\$2.44 satu tong. Menurut sumber yang sama, satu kilang penapis minyak mentah yang cekap, kos memproses adalah dianggarkan lebih kurang US\$2.00 atau M\$5.28 sen setong termasuk kos pengurusan tetap (fixed operating cost) penggunaan tenaga dan susut nilai.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, bayaran memproses minyak mentah yang ditawarkan dipasaran untuk pihak ketiga adalah lebih kurang hanya USS92 atau M\$2.44 setong di mana ia adalah kurang daripada separuh kos penapisan di kilang sendiri. Sebab untuk bayaran memproses yang rendah ini adalah, dengan izin, 'the exclusion of a high minimum operating cost and depreciation, semasa kilang-kilang penapis mengenakan bayaran kepada pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, maknanya, kalau kita hantar minyak mentah
iai untuk diproses di luar negeri, perbelanjaannya hanya setengah
apa yang dikenakan oleh kita sendiri pada masa sekarang. Maka
mengapa kita hendak mengadakan kilang yang kedua? Daripada
penerangan yang dinyatakan atau dipetikkan di atas, saya tidak dapat
percaya bahawa wang sebanyak \$6.3 billion dapat dijimatkan demi
untuk mengelakkan HICOM, barangkali Proton Saga. Yang kedua,
berlaku keadaan projek ini mestilah dikaji semula dengan teliti.
Dan pada tarikh yang sama dalam **Straits Times** juga dilaporkan,
dengan izin:

"The Malacca refinery, with a designed capacity of 100
barrels per day, is expected to meet the nation's
petroleum product needs by the year 2000. But before
that, the refined products from the refinery will
have to find markets elsewhere but with a shortfall
in ASEAN, it should not be too difficult."

Ini bermakna penapisan di Melaka dengan kapasiti untuk menapis sebanyak 100,000 tong sehari akan memenuhi kehendak negara kita di atas petroleum sebelum tahun 2,000.

Sebelum tahun 2,000 itu apa yang ditapis oleh kita ini kita mesti mencari pasaran dan mengikut quotation ini pada masa sekarang untuk mencari pasaran bagi petroleum kita ini tidak susah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Malaysia, tiga daripada lima negara di ASEAN iaitu Singapura, Indonesia dan Brunei telah mempunyai keupayaan menapis minyak yang lebih pada diri sendiri. Negara Thailand telah mulai berkembang dan dijangka keupayaan memproses mereka akan mencapai tahap cukup diri pada beberapa tahun yang akan datang.

Satu-satu negara yang mungkin akan meresap setengah-setengah keluaran penapisan kita adalah Filipina di mana kita mesti bersaing hebat dengan kilang penapisan yang sangat cekap di negara Singapura. Sekiranya kita gagal dalam mendapatkan pasaran yang mencukupi, kos memproses seunit kita akan menjadi lebih tinggi dan jurang antara perbelanjaan dengan simpanan akan menjadi lebih luas.

Dari segi pulangan yang sangat-sangat diragukan itu pula melibatkan jumlah wang yang besar. Kita harap pihak-pihak yang berkuasa yang berkaitan akan menjalankan kajian critical atas projek yang dicadangkan itu untuk memastikan sebarang wang yang dilaburkan mesti mempunyai daya produktivitinya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada refinery di Melaka, jalan yang menghubungkan tiga bukit peranginan, Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak faham sebab apakah keutamaan diberikan kepada pembinaan lebuhraya berjumlah 240 kilometer yang akan melalui bukit-bukit dan gunung-gunung yang menghubungkan bukit peranginan iaitu Genting Highlands, Fraser's Hill dan Cameron Highlands. Sementara Lebuhraya yang menghubungkan Seremban ke pantai Port Dickson berjarak 40 kilometer yang telah terkenal sebagai tempat pelancongan yang sangat diperlukan itu ditangguhkan atas sebab kekurangan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, atas kos anggaran \$600 juta yang diumumkan itu untuk 240 kilometer jalan gunung adalah memang sukar atau susah untuk dipercayai oleh kita apabila kita membandingkan kos-kos yang telah terlibat dalam lebuh raya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai misalnya Lebuhraya Air Keroh ke Pagoh dengan jarak 56 kilometer kosnya adalah \$216 juta iaitu bermakna tiap-tiap satu kilometer memakan belanja \$3.86 juta - ini Lebuhraya di Air Keroh.Sementara Lebuhraya Utara-Selatan (North-South Highway) dengan jarak 532 kilometer kosnya atau belanjanya ialah \$3.4 billion atau \$6.4 juta satu kilometer. Ini bermakna North-South Highway kos atau belanjanya \$6.4 juta satu kilometer dan kos bagi Lebuhraya di Air Keroh-Pagoh adalah \$3.86 juta satu kilometer.

Kalau kita bandingkan ketiga-tiga jalan ini, pada pendapat saya expressway atau lebuhraya yang akan menghubungkan ketiga-gita bukit peranginan atau three-hillside resorts lebih susah, ia mesti melalui gunung tetapi mengikut anggarannya hanya berapa juta ringgit, \$2.5 juta satu kilometer. Bolehkah atau tak boleh, maka itu kita berasa ragu.Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengesahkan kos

anggaran itu dengan menjelaskan kos-kos lebih tinggi yang diperlukan oleh lebuhraya-lebuhraya yang tersebut yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab adalah jiran saya hendak bercakap, maka saya tidak membuang masa lagi. Di sini saya sekali lagi hendak mengucapkan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1989.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada kaum India.

Tuan Sivalingam.

4.35 ptg.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya satu peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini dan saya bangun untuk turut membahaskan satu Rang Undang-undang Perbekalan, 1989.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, memang kita tidak boleh nafikan bahawa semenjak dari merdeka, kita dapati kedudukan sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara kita tidak banyak berubah.

Kebanyakan sekolah Tamil di seluruh negara Malaysia terletak di tanah swasta iaitu ia mungkin kepunyaan ladang atau orang perseorangan. Sekolah-sekolah ini telah diteruskan selama 30-40 tahun lamanya sehingga sekarang.

Ada sekolah-sekolah yang telah lapuk ataupun uzur sehingga keadaannya membahayakan pelajar-pelajar. Masalah semacam ini kami telah bawa ke pengetahuan Kementerian Pendidikan di masa-masa yang lalu. Saya harap Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah ini. Sekali gus membaharui kedudukan sekolah Tamil yang uzur ini.

Kita juga sedia maklum bahawa Kementerian memberi arahan kepada Guru Besar-Guru Besar supaya mendapatkan tanah itu dengan bantuan atau pertolongan Persatuan Ibu-Bapa dan Guru. Masalah di sini ialah bagaimanakah masalah mereka dapat mengumpulkan berpuluh-puluh ribu sedangkan penduduknya rata-rata miskin. Jadi, saya rasa Kementerian boleh membantu mengatasi masalah ini dengan memberikan peruntukan kepada sekolah-sekolah Tamil yang menghadapi masalah ini.

Satu lagi perkara yang saya rasa harus dibincangkan ialah mengenai pembahagian sekolah Tamil menurut skim bantuan penuh dan bantuan modal. Masalah di sini ialah kita tahu bahawa sekolah Tamil bantuan penuh menikmati semua kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian seperti pembinaan sekolah yang baru, padang permainan, perpustakaan, tandas, bilik belajar yang selesa dan sebagainya. Tetapi bagaimanakah dengan sekolah bantuan modal? Sekolah-sekolah ini sering dianak-tirikan oleh Kementerian oleh kerana tiada terdapatnya kemudahan-kemudahan sepertimana didapati oleh sekolah-sekolah bantuan penuh. Maka pelajar-pelajar di sekolah bantuan modal sering ketinggalan dalam pelajaran. Maka saya minta Kementerian supaya memberi perhatian yang penuh ke atas masalah ini. Peruntukan sebanyak \$3 yang diberikan kepada seorang pelajar kini tidak mencukupi dan saya mencadangkan ianya ditambah kepada \$6 supaya kos yang sentiasa naik dapat diatasi melalui kenaikan peruntukan ini.

Satu lagi masalah yang perlu dibahaskan di sini ialah mengenai kedudukan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masa yang diperuntukkan bagi Bahasa Malaysia di sekolah Tamil adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah kebangsaan.

Dalam tahun 1985 hingga kini saya dapati masa bagi Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil, Darjah 1 hingga 5 ialah 581.8 jam. Tetapi bagi sekolah kebangsaan ialah 1,703 jam. Perbezaannya ialah 1,121.6 jam.

Saya cadangkan supaya masa yang diperuntukkan bagi Bahasa Malaysia ditambah lagi di masa-masa yang akan datang. Guru-guru yang ditugaskan di sekolah Tamil juga harus mempunyai kelayakan yang disyaratkan. Kementerian juga harus mengawasi mutu pergajaran di sekolah Tamil itu. Guru-guru yang tidak terlatih haruslah diberi latihan, contohnya di masa musim cuti mereka boleh mengikuti kursus-kursus di pusat-pusat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan saya kepada perkara yang kedua iaitu tentang pajak gadai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pajak gadai merupakan satu sumber pinjaman kewangan, bagi golongan yang berpendapatan rendah di kawasan bandar dan juga luar bandar. Dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa kedai-kedai tersebut menyediakan satu kemudahan pinjaman yang baik terutamanya bagi mereka yang memerlukan pinjaman kewangan dengan serta merta.

Mengikut Akta Pajak Gadai 1972 sesuatu pajak gadai boleh memberikan pinjaman had maksima 35,000 bagi satu-satu pinjaman melalui satu resit. Walau bagaimanapun, saya ingin membangkitkan beberapa amalan yang kurang baik yang dipraktikkan oleh pajak gadai di negara ini. Ianya adalah seperti berikut:-

- (1) mengenakan kadar faedah yang tinggi;
- (2) barang-barang yang digadai diberikan nilai yang rendah apabila pinjaman diberikan;
- (3) resit gadaian yang ditulis dengan kurang jelas dan menggunakan bahasa yang tidak difahami;

- (4) barang-barang selepas gadaian mempunyai berat yang kurang;
- (5) tarikh lelong tidak diberitahu kepada pemilik; dan
- (6) kenyataan lelong hanya diiklankan di akhbar-akhbar bahasa Inggeris dan bahasa Cina sedangkan kebanyakan daripada peminjam adalah orang-orang Melayu dan India.

Dengan mengambil kira kedudukan ini, saya ingin menggesa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengelakkan dari berlakunya perkara-perkara yang tersebut. Pengawasan yang lebih kerap hendaklah dijalankan dari masa ke semasa bagi menentukan pemilik pajak gadai tidak mempraktikkan amalan yang kurang baik ini.

Di samping itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya sistem pemberian pinjaman oleh pajak gadai diperluaskan lagi dengan merangkumi pinjaman bagi perusahaan-perusahaan kecil, pertanian dan lain-lain lagi. Mungkin pinjaman seumpama ini boleh digunakan sebagai wang pusingan dalam perusahaan-perusahaan tersebut. Ini boleh dijalankan dengan pinjaman bagi tempoh selama 6 bulan sehingga satu tahun dengan kadar faedah yang rendah dan had pinjaman maksima sebanyak 35,000. Dengan cara ini, adalah diharapkan dalam jangka masa panjang sistem pajak gadai sebagai satu institusi pemberi pinjaman wang akan dapat diperkukuhkan lagi. Selain daripada itu golongan yang berpendapatan rendah akan dapat menikmati kemudahan pinjaman dengan cara yang mudah dan cepat.

Sekian pandangan saya dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya satu peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

4.48 ptg

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang dibentangkan baru-baru ini. Akta ini bertujuan memberi kuasa berkanun bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dan sukacitalah mendapat tahu bahawa pertumbuhan ekonomi pada tahun ini adalah lebih tinggi daripada apa yang dijangkakan. Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar mencapai 7.4% pada tahun 1988 kerana sektor-sektor perkilangan, perlombongan dan perkhidmatan telah memperolehi prestasi yang baik dan harga-harga barangan utama masih berada pada paras yang tinggi. Kedudukan imbalan pembayaran terus kukuh dengan lebih akaun semasa sebanyak S3,000 juta. Paras rizab luar negeri pun tinggi dan memuaskan. Dengan prestasi eksport dan kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan telahpun bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan meluas ini adalah kerana tindakan-tindakan tegas dan berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki ekonomi selain daripada permintaan luar negeri yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita yakin pemulihan ekonomi yang kukuh akan berterusan ke tahun hadapan dan paras kegiatan ekonomi yang tinggi akan dapat dikekalkan juga. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi tahun hadapan tetap juga bergantung kepada perkembangan ekonomi dunia. Memandangkan kepada tekanan inflasi dan kenaikan kadar faedah di negara-negara perindustrian, sukacitalah difahamkan bahawa Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan swasta, baik tempatan mahupun asing demi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pengangguran serta juga meneruskan dasar jimat cermat dalam urusan perbelanjaan awam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu Kerajaan sedang bercadang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi selain menambahkan hasil negara di mesyuarat Dewan ini. Saya yakin dengan langkah-langkah yang akan diperkenalkan nanti akan menarik lebih banyak pelabur, menggalakkan perkembangan industri kecil dan sederhana, menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali menekankan di Dewan yang mulia ini mengenai pentingnya suasana atau iklim pelaburan yang stabil dan baik. Kerajaan telah dan sentiasa menyediakan kemudahan-kemudahan serta mengambil langkah-langkah untuk menarik lebih banyak pelabur. Usaha-usaha Kerajaan ini boleh mencapai prestasi dan lebih baik jika tidak timbulnya kejadian-kejadian dalam negeri yang menjejaskan atau memburukkan iklim pelaburan. Perkara pertama yang saya hendak katakan ialah suasana

politik. Akhir-akhir ini kita lihat dua Wakil Rakyat yang tidak begitu senang dengan UMNO telah meletakkan jawatannya, kemudian bertanding lagi di pilihanraya kecil di kawasan pilihanraya masing-masing. Wakil Rakyat Pembangkang dikatakan akan mengikut juga. Kami tidak peduli dengan alasan atau tujuan yang mereka berbuat demikian. Pada hemat saya tindakan semacam ini tidak harus diteruskan kerana dua sebab:

- (1) perbuatan semacam ini jelas sekali akan membuat suasana politik dalam negeri lebih tegang dan dengan demikian akan menjejaskan iklim pelaburan. Dengan kata lain, ia akan menakutkan pelabur-pelabur asing dan tempatan. Jika berlaku demikian, siapa yang akan untung dan siapa yang akan rugi? Tidak ada orang yang mendapat faedah hanya rakyat kita yang menderita kerana tidak dapat menarik lebih banyak pelabur ke negara kita. Perkembangan industri baik di sektor perkilangan, perkhidmatan atau lain-lainnya akan menjadi lembab dan peluang pekerjaan akan berkurangan. Saya yakin Wakil-wakil Rakyat kita yang bertanggungjawab pun tidak ingin melihat timbulnya keadaan ini;
- (2) Banyak perbelanjaan akan digunakan bagi satu-satu pilihanraya.

Ketika Kerajaan sedang meneruskan usaha-usaha mengawasi perbelanjaan dan berhati-hati dalam peruntukan perbelanjaan untuk projek-projek atau kemudahan-kemudahan yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta dapat memberi faedah secara langsung kepada peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat. Perbelanjaan yang

digunakan bagi pilihanraya kecil yang tidak diinginkan boleh dicurahkan bagi mendorong pertumbuhan ekonomi dan meninggikan taraf hidup rakyat. Oleh yang demikian, saya berharap mereka akan dapat lebih mementingkan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat daripada kepentingan individu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak menyentuh di sini ialah tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri terhadap peniaga-peniaga besar dan kecil di seluruh negara akhir-akhir ini. Pegawai-pegawai bukan hanya memeriksa akaun-akaun syarikat atau individu, bahkan datang ke tiap-tiap gerai penjaja bertanya ini dan itu dan mencatat segala urusan mereka saban hari, sehingga penghuni-penghuni rumah pun menjadi sasaran penyiasatan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Tindakan itu telah membawa kesan yang kurang baik, membuatkan rakyat makin bimbang dan cemas.

Membayar cukai pendapatan memanglah menjadi kewajipan rakyat kepada negara. Namun begitu, tindakan-tindakan memburu secara keras ini ketika Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya memperbaiki suasana peraturan telah mendatangkan kesan yang buruk dan akan menjejaskan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana setiap peniaga diwajibkan menyimpan segala rekod atau dokumen akaun dalam jagaan yang selamat supaya membolehkan akaun dari perniagaan bagi setiap tahun taksiran dapat dikenalpasti oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa itu. Sekiranya pendapatan dari jualan kasar melebihi \$18,000 bagi mana-mana tahun taksiran, pada

hemat saya pendapatan ini telah ketinggalan zaman (obsolete) kerana keadaan perniagaan telah berubah, skopnya juga bertambah luas dan nilai matawang pun tidak sama seperti dahulu.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 itu dipinda iaitu jumlah pendapatan kasar dalam perniagaan bagi mana-mana tahun taksiran melebihi \$180,000 barulah peniaga itu perlu menyimpan rekod atau dokumen akaun untuk dikenalpasti taksiran pendapatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang penyediaan kemudahan kesihatan. Saya difahamkan Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$209 juta bagi kesihatan tahun depan kerana kemudahan-kemudahan kesihatan adalah perlu bagi meningkatkan taraf hidup penduduk. Saya telah beberapa kali mengutarakan perkara mengenai pembinaan baru Rumah Sakit Sibu dan keperluan perubatan Rumah Sakit Law King Howe Sibu di Dewan ni. Menurut data yang saya dapati Rumah Sakit Law King Howe Sibu selalu penuh sesak dengan pesakit-pesakit yang harus diberi rawatan yang datang dari Bahagian-bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh. Kadar kedudukan katil atau bed occupancy rate, dengan izin adalah 100% dalam 10 bulan pertama dalam tahun ini di beberapa ward dan Rumah Sakit ini hanya ada 424 buah katil dalam 16 ward, masih jauh dari memenuhi keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik bulan Januari, kadar kedudukan katil mencatat 72%; bulan Februari 64%; bulan Mac 69%, bulan April-Jun 80%; Julai-Ogos 84%, purata adalah 75%. Pesakit-pesakit yang menerima rawatan setiap bulan dalam Rumah Sakit lebih dari 1,500 orang sebulan. Mereka tinggal di sana selama 5-6 hari. Memandangkan keadaan tersebut, Kerajaan harus berusaha memperbanyakkan tempat untuk pesakit-pesakit yang harus dirawat di Rumah Sakit itu. Selain daripada itu, kami juga mendapati bagi rumah sakit yang menyediakan kemudahan perubatan kepada pesakit-pesakit dari ketiga-tiga Bahagian itu tiada seorang pun pakar Radiology untuk memberi perkhidmatan atau rawatan Radiography.

Tuan Yang di-Pertua, memandang keperluan menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih di Sibu, saya berharap Kementerian Kesihatan dengan peruntukan sebanyak \$209 juta ini dapat memperbaiki lagi perkhidmatan perubatan di Rumah Sakit Lau Hing Hoe, Sibu dan juga mula membina Rumah Sakit Baru Sibu secepat mungkin. Bagi penduduk-penduduk pendalaman terutama mereka yang tinggal dekat kawasan pembalakan di Sarawak, saya harap Kementerian juga dapat menguntukkan seberapa yang boleh wang untuk pembinaan pusat-pusat kesihatan atau klinik-klinik desa. Kementerian hanya dikehendaki menyediakan pembantu-pembantu doktor atau pegawai perubatan serta ubat-ubat. Saya yakin syarikat-syarikat pembalakan akan bersedia membantu jika dihubungi dalam bentuk rumah kayu dan kemudahan pengangkutan. Dengan adanya klinik dosa atau pusat kesihatan dekat rumah panjang mereka, penduduk-penduduk pendalaman dan pekerja-pekerja pembalakan tak payah lagi menerima rawatan perubatan di rumah sakit di pekan-pekan atau di Sibu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang peruntukan bagi pendidikan. Sebanyak \$1,147 juta telah diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan. 8,000 lebih buah bilik darjah sekolah rendah dan menengah akan dibina bagi tahun 1989. Ini bermakna jumlah bilik darjah akan bertambah untuk menampung murid-murid yang kian bertambah setiap tahun. Saya harap Kementerian tidak mengabaikan keperluan penduduk Sarawak akan keperluan kemudahan ini dan akan memberi peruntukan yang agak banyak bagi pembinaan bilik darjah baru, baik sekolah rendah ataupun sekolah menengah di Sarawak.

Selain dari itu, saya juga hendak minta Kementerian dapat memperuntukkan sejumlah wang setiap tahun bagi pembinaan atau pembaikan bilik darjah sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan di Sarawak. Saya pernah mengatakan beberapa kali di Dewan ini bahawa di kebanyakan sekolah rendah jenis kebangsaan yang terbina di zaman sebelum kemerdekaan, bilik-bilik darjah telah kopak-kapik, perlulah diperbaiki. Meja-meja dan bangku-bangku murid pun buruk, harus juga diganti. Maka saya hendak minta Kementerian arahkan Pengarah Pendidikan atau Pegawai-pegawai Pendidikan di Sarawak mengadakan satu penyelidikan mengenai hal ini dan berusaha memperbaiki keadaan pembelajaran di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-pertua, sukacitalah mengetahui bahawa Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$305 juta bagi Program Pendidikan Tinggi supaya lebih ramai lagi belia dapat menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Selain dari itu, Program Pendidikan Teknik dan Vokasional akan juga diperluas dan ditingkatkan lagi. Dengan usaha itu, semoga akan berkuranglah bilangan pelajar yang dihantar ke seberang laut dan dengan itu menjimatkan pertukaran matawang asing negara. Sehubungan itu, saya juga hendak mengesyorkan bahawa kriteria atau nilai serta kuota pengambilan pelajar dilonggarkan supaya lebih banyak pelajar berbagai kaum yang mencapai akademiknya tinggi dapat diberi tempat di universiti-universiti tempatan untuk melanjutkan pelajaran tinggi, terutamanya diberi peluang mengikuti kursus-kursus profesional atau ikhtisas seperti perubatan, undang-undang dan sebagainya. Ini adalah harapan saya bahawa dengan menyediakan kemudahan pelajaran itu akan wujudlah lebih banyak cendekiawan-cendekiawan yang boleh memberi

sumbangan dalam usaha mendorong pertumbuhan ekonomi khususnya dan pembangunan nasional amnya kelak.

Tuah Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa Kerajaan sedang mengkaji semula dan merumuskan Akta Pendidikan. Saya berharap Akta yang akan dirumuskan itu tidak akan menghadkan dan menyulitkan penubuhan serta perkembangan kolej-kolej swasta dan tadika-tadika, terutama yang dijalankan selama ini oleh mubaligh (missionary), dengan izin, kolej-kolej swasta terutama sekali yang dapat mengadakan hubungan dengan universiti-universiti ternama di seberang laut harus digalakkan kerana mereka itu boleh menolong menampung pertambahan permintaan kemudahan pelajaran di negara kita. Memandangkan tadika-tadika yang dijalankan oleh mubaligh itu telah memberi sumbangan besar, dengan, menghasilkan warganegara yang taat setia, berdisiplin dan dinamik selama ini, Kerajaan harus menggalakkan penubuhan tadika-tadika itu serta menyediakan peruntukan sedapat mungkin bagi membiayai pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kebanyakan perusahaan awam bukan kewangan mengalami kerugian. Kerajaan perlu sentiasa memasukkan modal baru untuk tujuan-tujuan operasi tetapi kerugiannya tidak dapat menolong memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam bahkan melemahkan kedudukan kewangan Kerajaan. Memandang keadaan telah berterusan selama ini, saya syorkan bahawa Kerajaan lebih baik menutup mana-mana perusahaan yang menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan atau menswastakannya sahaja kerana wang yang dikutip dari rakyat dan diperuntukkan bagi membiayai operasi PABK itu hanya dibuang sia-sia. Jika Kerajaan mengambil tindakan tegas dan menswastakan perusahaan yang tidak memuaskan prestasinya, Kerajaan akan boleh menyalurkan lebih banyak peruntukan

kepada projek-projek yang dapat memberi faedah secara langsung kepada peningkatan taraf sosio ekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah melihat Kerajaan kita telah memperoleh prestasi yang bermakna dalam perhubungan perdagangan dan ekonomi antara Malaysia dan Republik Rakyat China, Dalam tahun ini susulan dari kemasukan sistera A.P. bagi import barangan dari China pada awal Mac tahun ini, Kerajaan pun telah menandatangani dengan pihak China perjanjian perdagangan dua pihak pada 1hb April Perjanjian Jaminan Pelaburan serta perjanjian untuk membentuk satu Jawatankuasa Bersama Bidang Ekonorai dan Perdagangan pada bulan November. Penanda-penanda perjanjian-perjanjian tersebut telah memberi satu jaminan kepada perdagangan secara langsung antara dua negara serta pelaburan di kedua-dua negara, Ini juga bermakna perhubungan kedua-dua negara di bidang ekonomi dan perdagangan telahpun melangkah selangkah ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, maka demi untuk meningkatkan perdagangan dan mempereratkan perhubungan ekonomi antara negara dan negara, Kerajaan harus melonggarkan lagi syarat-syarat untuk membolehkan syarikat-syarikat atau pengusaha-pengusaha kedua-dua negara saling melawat, berhubung dan berunding di antara satu sama lain di bidang perdagangan dan pelaburan. Demi itu, saya mengesyorkan bahawa pengusaha-pengusaha dari mana-mana syarikat diberi kebebasan untuk masuk ke atau melawat negeri China bila-bila sahaja dalam tempoh tertentu, umpamanya 1 tahun, 2 tahun, 3 tahun asalkan mereka memperoleh pengesahan dari Kementerian-kementerian berkenaan terlebih dahulu. Dan juga pengusaha-pengusaha dari negeri China yang dijemput dapat dibenarkan melawat negara kita asalkan pengusaha-pengusaha kita tersebut mengemukakan jemputan mereka serta butir-butir para jemputan kepada Kementerian berkenaan.

Tentulah lebih baik jikalau segala syarat had dapat dimusnahkan segali gus tetapi buat sementara waktu ini sekiranya cadangan saya tersebut dapat diterima dan diperkenalkan tentulah akan melicinkan dan menguatkan perhubungan perdagangan dan ekonorai antara pengusaha-pengusaha kedua-kedua negara.

Tuan Yang, di-Pertua, saya hendak. menyentuh sedikit sebanyak tentang perkhidmatan penerbangan di Negeri Sarawak. Kita semua tahu Kerajaan telah dan sedang mengadakan banyak publisiti di luar negeri untuk memperkenalkan keindahan alam semula jadi kita dalam usaha menarik lebih pelancong-pelancong asing ke negeri kita. Perusahaan pelancongan boleh membawa wang pertukaran yang banyak kepada pendapatan tahunan negara. Kita telah memerhatikan bahawa dengan usaha-usaha Kerajaan, terutama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah bertambah tiap-tiap tahun jumlah pelancong asing, yang melawat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan negeri Sarawak. pun berusaha sekuatnya menarik pelancong-pelancong asing ke negeri Sarawak, tetapi selama ini perusahaan pelancongan di Sarawak berkembang dengan perlahan-lahan. Pada hemat saya ada beberapa faktor yang menjejaskan perkembangan perusahaan pelancong di negeri Sarawak:-

- (i) Kementerian berk naan kurang berusaha menarik pelancong-pelancong ke negeri Sarawak, iaitu kurang publisiti untuk tnemperkenalkan Sarawak kepada orang asing atau kurang berhubung dan mengatur dengan agensi-agensi dalam negeri atau luar seperti Cathay

Pacific, Singapore Airlines dalam usaha membawa orang-orang asing melancong ke Sarawak. Dengan demikian kuranglah pelancong asing melawat Sarawak.

- (ii) Sering terdapat atau terdengar bahawa pelancong-pelancong yang hendak datang ke Sarawak dari Kuala Lumpur atau Singapura tidak dapat tempat duduk di kapalterbang MAS yang menuju ke Sarawak. Entahlah apa sebabnya! Benarkah perkhidmatan MAS kurang mencukupi atau sebab lain, saya hendak minta Kementerian yang berkenaan menyelidik perkara ini dan memastikan cukupperkhidmatan dan kemudahan akan diberikan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa pihak MAS akan menambah 3 buah kapalterbang 373 Boeing dan memperuntukkan \$500 juta bagi membaiki serta meningkatkan perkhidmatannya dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Demi untuk menggalakan perkembangan perusahaan pelancongan di negeri Sarawak, saya harap agar pihak MAS akan dapat menambahkan sekali penerbangan ke Kuching, tengah hari melalui Singapura kepada 3 kali dari 2 kali yang sedia ada setiap hari. Adalah juga diharapkan bahawa Kementerian Pengangkutan akan dapat meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan di lapanganterbang-lapanganterbang di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebelakangan hari ini terdapat lagi banyak perbincangan cerhadap penggubalan Dasar Ekonomi Nasional setelah 1990. Dasar Ekonomi Nasional itu akan terus bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kerajaan telah mengumumkan akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa khas untuk

mengumpul dan mendengar pendapat-pendapat dan usul-usul dari parti-parti, persatuan-persatuan serta rakyat bagi menggubal satu dasar ekonomi setelah tahun 1990 yang akan memberi faedah kepada semua rakyat dan mendorong pertumbuhan ekonomi. Saya mengalu-alukan pengumuman Kerajaan itu, semoga dasar ekonomi ini akan digubal dan disiapkan dengan semangat Barisan Nasional yang kita sanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menutup percakapan, saya hendak mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhonnat Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri Sarawak kerana mencadangkan saya dilantik semula sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal kedua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haasan bin Nam.

5.15 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dan Usul yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, 5hb Disember, 1988 dan saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas Ucapan Belanjawannya yang begitu memberangsangkan di setiap lapisan masyarakat di negara kita ini.

Perbelanjaan 1989 ialah mencerminkan keadaan ekonomi negara yang kukuh dan berkembang dengan Keluaran Negara Kasar (KNK) yang telah mencapai 7.4% pada tahun 1988 dari 1.2% pada tahun 1986. Kita

sedang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat walaupun banyak kedengaran ungkapan-ungkapan seperti ekonomi merosot, ekonomi terjejas dan sebagainya. Ini adalah antara ungkapan yang tidak bermakna lagi kerana zaman perkembangan pesat ekonomi Malaysia telahpun menjelang tiba sekarang. Belanjawan 1989 ini pada dasarnya meletakkan negara Malaysia ke satu tahap yang mana menjadikan Malaysia sebuah Negara Perindustrian Baru ataupun NIC, sepertimana yang telah didasarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989 meletakkan titik-titik asas demi menjadikan negara Malaysia sebuah Negara Perindustrian Baru dalam abad ke 21 kelak. Saya percaya ciri-ciri dan beberapa aspek dan cadangan-cadangan Belanjawan adalah dirancangkan sebegitu rupa, maka mulai dari sekarang negara kita ini akan terus maju ke arah menjadi salah sebuah Negara Perindustrian Baru di rantau ini. Hasrat murni ini sungguhpun begitu sukar sekali untuk dicapai dalam masa yang singkat, namun saya berpendapat kita perlu mengadakan titik-titik permulaan ke arah ini sekarang juga di mana Belanjawan 1989 mencerminkan dengan sepenuhnya hasrat ini.

Apa yang saya maksudkan, pertamanya ialah cadangan mengurangkan cukai koporat dari 40% kepada 35% pada tahun hadapan iaitu secara langsung menepati satu jaminan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan beliau tahun lepas. Selain dari itu, cukai pembangunan telah juga dikurangkan 1% setiap tahun mulai tahun 1990. Ini adalah satu lagi tanda bahawa negara kita kini sedang menuju ke arah menjadikan sebuah Negara Perindustrian Baru.

Usaha-usaha murni seperti ini perlu disokong dan digalakkan oleh setiap lapisan masyarakat, khususnya pihak swasta dan golongan-golongan pelabur dari luar negeri yang ingin melabur di Malaysia.

Potongan cukai koporat dan cukai pembangunan ini meletakkan Malaysia ke tahap yang tinggi bersama dengan negara-negara yang maju mengamalkan dasar yang sama dalam soal mengurangkan cukai koporat. Sudah pastilah cadangan-cadangan ini merupakan inisiatif bagi perkembangan aktiviti-aktiviti industri di negara kita.

Ini juga sejajar dengan salah satu ciri Belanjawan iaitu untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan pengangguran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan pada tahun 1989 ini telah membawakan berita baik kepada pihak kakitangan-kakitangan Kerajaan khususnya dalam kumpulan Kategori A, B dan C. Mereka juga diberi potongan kadar faedah atas pinjaman perumahan dan kereta yang mana ia kini diturunkan ke paras 4%. Selain daripada ini mereka juga akan diberikan hadiah wang tunai berdasarkan kecekapan dan kecemerlangan mutu kerja masing-masing. Sungguhpun demikian, rasa sedih masih kedengaran suara-suara sumbang dari kalangan pekerja-pekerja Kerajaan yang mendakwa kononnya mereka masih belum puas hati disebabkan tidak diberikan tunggakan gaji. Tetapi walaupun pihak Kerajaan tidak dapat memberi sepenuhnya apa yang mereka tuntutan itu, saya berharap dengan memberikan kenaikan gaji kepada kakitangan, dikurangkan kadar faedah atas pinjaman dan pemberian hadiah wang tunai, apakah boleh diharapkan bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan akan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan mereka kepada rakyat dan negara pada masa hadapan ini. Saya rasa Kerajaan Barisan Nasional sudahpun melayani sebahagian besar dari tuntutan-tuntutan kakitangan Kerajaan. Kini sudah sampai masanya pula giliran kakitangan Kerajaan memberikan khidmat dedikasi dengan bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, khidmat amalan dan kebajikan juga telah diberikan satu pengertian, pengiktirafan dan galakan baru oleh Kerajaan dengan pemberian pengecualian cukai sebanyak 7% atas pendapatan institusi-institusi kebajikan mulai tahun hadapan.

Cadangan penghapusan cukai sebanyak 7% ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia dan instituai-institusi kebajikan membuat kerja-kerja amal dan kebajikan untuk golongan yang miskin dan cacat.

Apabila kita menyentuh tentang golongan miskin, saya teringat pula kepada pekerja-pekerja Kerajaan Kumpulan D yang mana tidak dikecualikan dalam pelarasan gaji baru-baru ini, kecuali diberikan tambahan gaji mereka sebanyak \$30 sahaja pada tahun 1986 dahulu, Saya rasa golongan ini adalah golongan yang telah banyak merasa kepahitan ekonomi meroaot baru-baru ini. Oleh yang demikian, wajarlah golongan ini juga diberi pertimbangan dalam pelarasan gaji mereka kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha ke arah menjadikan Malaysia satu negara perindustrian baru serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan datangnya dari perkerabangan. perniagaan kecil. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan pemberian taraf perintis kepada industri kecil yang mempunyai syarat-syarat tertentu dan elaun pelaburan semula dinaikkan dari 40% kepada 50% serta cukai-cukai import atas bahan-bahan mentah dihapuskan. Cadangan-cadangan ini telah membawa rahmat kepada beribu-ribu peniaga kecil yang merasa skop perkembangan perniagaan mereka kini adalah besar dan cerah yang mana pendapatan mereka itu juga akan meningkat. Ini pasti akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan yang mana akan memberi kesan dalam mengurangkan pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut cadangan-cadangan Belanjawan 1989, cukai jualan sebanyak 5% dikenakan ke atas beberapa barang makanan termasuk daging, tepung roti, bahan-bahan kek, biskut dan sebagai-

nya. Ini sebenarnya tidak selaras dengan usaha-usaha Kerajaan menggalakkan peniaga-peniaga kecil dan sederhana berkembang maju yang mana di bawah cadangan baru ini terpaksa menanggung cukai ini atau meletakkan cukai 5% ini di atas pengguna-pengguna yang makan di kedai-kedai besar dan restoran-restoran itu. Kalau sekiranya pengguna-pengguna dipaksa membayar, maka ini akan mengurangkan jumlah pengguna yang mengunjungi kedai-kedai makan tersebut.

Walaupun saya difahamkan cukai ini hanya dikenakan di atas barang-barang yang diimport, kenaikan harga makanan di restoran-restoran, di hotel-hotel dan lain-lain tempat di negara kita akan mempengaruhi orang-orang peniaga dan pelancong-pelancong ke negara-negara jiran seperti Thailand dan Indoneaia di mana saya difahamkan barang-barang makanan di negara tersebut masih begitu murah jika dibandingkan dengan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya meminta izin di Dewan yang mulia ini dan Ahli Yang Berhormat sekalian di dalam perbahasan selanjutnya akan menyentuh tentang masalah masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini dengan Kementerian yang berkenaan dan tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan seterusnya Kementerian Kewangan dan lain-lain Menteri Kabinet berhubung dengan pemberian peruntukan bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Dalam Negeri yang berjumlah \$27,727 untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Dengan peruntukan sebanyak itu, semoga Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan dapat melaksanakan segala program pembangunan sosio-ekonomi di kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung iai mengikut kemampuan Jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang masalah penggezetan Tanah-tanah Rezab Orang Asli yang mana masih banyak lagi belum diselesaikan kerja-kerja mewartakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Maka dengan ini saya menyeru dan memohon Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengambil perhatian dengan serlusnya supaya kerja-kerja proses mewartakan tanah-tanah yang dipohon oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di negeri-negeri berkenaan dapat dipercepatkan urusannya. Kerana saya difahamkan bahawa sejumlah besar lagi tanah-tanah pertanian Orang Asli baik di pinggir bandar dan di pedalaman, didiami serta diusahakan dengan berbagai-bagai tanaman yang kekal seperti getah, dusun-dusun dan lain-lain lagi hasil pertanian yang mana dari turun temurun nenek-moyang mereka usahakan tetap-i masih banyak yang belum diwartakan sebagai Tanah Simpanan Orang Asli yang kekal.

Di atas perkara ini, beberapa persoalan dan masalah telah timbul akibat daripada kawasan Tanah Rezab Orang Asli yang belum diwartakan ini seperti segala kemudahan bantuan tanaman semula dari agensi-agensi Kerajaan seperti RISDA, FELCRA dan Jabatan Pertanian tidak dapat disalurkan kerana status tanah kawasan Orang Asli ini kebanyakannya belum diwartakan lagi dan terdapat berpuluh-puluh ribu ekar luasnya kebun getah tua mereka yang tidak dapat disalurkan keraudahan bantuan tanaman semula daripada agensi berkenaan kerana masalah tanah belum diwartakan. Pengambilan dan pencerobohan terhadap tanah-tanah Orang Asli yang mereka usahakan ini oleh pihak lain adalah sangat ketara melalui cara himpitan. Ini tidak dapat dinafikan kerana kebanyakan tanda batu sebenar atau 'land mark',

dengan izin, tidak ada di kawaaan Orang Asli yang telah dikanalpasti akan banyak menimbulkan masalah, rasa tidak puashati dan terjejas perasaan masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan tanah yang diwarisi sejak zaman datuk nenek moyang mereka. Tidak ada jaminan yang diharapkan sebagaimana masyarakat lain yang raana bercanggah dengan kehendak-kchendak dasar Kerajaan untuk integrasikan Orang-orang Asli ke dalam masyarakat kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini, saya sebagai wakil masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini, saya sekali lagi meminta kerjasama kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkuasa di negeri-negeri berkenaan, Ahli Exco Tanah dan pihak PTG Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu, Johor, Melaka dan Negri Sembilan agar proses kerja meluluskan danewartakan kawasan-kawasan Tanah Simpanan Orang Asli ini yang mana masih belum diwartakan itu supaya dapat dibuat secara tidak memakan masa yang berlarutan demi kesejahteraan bersama khasnya kepada masyarakat Orang Asli yang amat merasainya, sebab masalah isu tanah yang belum diadakan ini bila saya melawat dan meninjau ke kampung-kampung Orang Asli didapati sentiasa menjadi soal serta sungutan dari Orang Asli di kampung tempatan yang tanah mereka belum diwartakan lagi.

Walaupun dikatakan tiap-tiap tahun sidang B«lanjawan, perbahasan Dewan Negara ini, saya suarakan atas raasalah tanah Orang Asli ini, sejauh mana hasilnya, saya tidak dapat pastikan.Oleh itu saya harap Kementerian yang berkenaan akan dapat memberi jawapan, sejak tahun 1919 sehingga Disember, 1987 berapakah jumlah hektar tanah kawasan Orang Asli, yang telah diluluskan dan diwartakan di negeri-negeri berkenaan dalam jangka masa tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, penduduk Orang Asli di Semenanjung ini adalah merupakan kaum yang paling miskin dan mundur sekali dari segi ekonomi.Oleh yang demikian beberapa tindakan konkrit ke arah meninggikan taraf ekonomi mereka harus dipertingkatkan.

Penduduk Orang Asli di negara ini pada hari ini rata-rata mengharapkan sumber rezeki mereka dari hasil-hasil pertanian melalui pembangunan tanah. Kebanyakan tanah-tanah yang diduduki oleh. Orang Asli ini sebagaimana yang saya nyatakan di atas taai belum lagi digezetkan, apatah lagi untuk diberi hak milik tanah individu jauh sekali dan kebanyakan tanah-tanah tersebut diusahakan secara tradisional dan tidak ekonomi.

Agensi-agensi tanah seperti RISDA dan FELCRA tidak dapat memajukan tanah-tanah tersebut memandangkan status tanah berkenaan yang mana belum digezetkan lagi.Dalam hubungan ini saya bagi pihak masyarakat Orang Asli di Semenanjung sekali lagi merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah agar melalui agensi-agensi

masing-masing supaya dapat memberi kelonggaran syarat terhadap tanah-tanah yang diduduki Orang Asli. Kelonggaran syarat yang dimaksudkan ialah pihak RISDA dan FELCRA akan dapat menghantar anak-anak Orang Asli di atas nama Jabatan Orang Asli terhadap tanah Orang Asli yang belum digezetkan yang banyak terbiar tanpa diusahakan kerana tiada berkemampuan di segi modal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan cara yang dicadangkan tadilah saya nampak tanah-tanah Orang Asli yang terdapat berpuluh-puluh ribu hektar kebun getah tua akan dapat dimajukan dan Orang Asli pun dijangka dapat memperbaiki taraf ekonomi mereka. Oleh yang demikian saya mengharapkan Kementerian yang bertanggungjawab akan dapat mengkaji dan seterusnya melaksanakan cadangan tersebut. Dalam pada itu Kerajaan-kerajaan Negeri juga diseru supaya menganggap penting proses untuk mengezetkan tanah-tanah Orang Asli yang mana telah dipohon untuk diwartakan. Sekiranya keadaan ini berterusan maka usaha-usaha Kerajaan ke arah membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat tidak mungkin tercapai.

Tuan Yang di-pertua, di bawah Kementerian Dalam Negeri saya ingin sarankan Kerajaan perlu menyelaraskan skitn-skim bayaran bonus Batin-batin atau Ketua-ketua Kampung Orang Asli di Setneanjung ini disamakan sklmnya dengan bayaran elaun-elaun Ketua-ketua Kampung khasnya orang-orang Melayu di kampung-kampung yang sekarang jika dibandingkan jauh lebih rendah skimnya dan bonus-bonus Ketua-ketua Kampung Orang Asli ini. Saya harap pihak Kementerian akan dapat membuat perubahan di atas skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya izin menyentuh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, iaitu masalah kenaikan harga barang-barang keperluan harian ini dengan tidak disangka-sangka sekarang. Apakah sebabnya pihak peniaga menaikkan harga barangan ini? Adakah pihak peniaga mengambil kesempatan di atas pengumuman Kementerian Kewangan yang menyatakan kenaikan gaji kakitangan kerajaan Kumpulan A dan B pada awal tahun 1989 atau disebabkan masalah banjir sekarang. Di-harap atas perkara tersebut akan diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan terutamanya bagi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah di negara ini. Kalaulah kenaikan itu disebabkan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan Kumpulan A, B dan C itu, tetapi mereka belum terima lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita perlu mengambil perhatian sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu sementara kita menikmati kejayaan, kita haruslah mengadakan disiplin dalam pengurusan kewangan kita dan kita mestilah berbelanja sekadar yang boleh dan mampu dan tidak bergantung semata-mata atas pinjaman untuk membiayai perbelanjaan kita. Jimat-cermat ini benar bukan sahaja kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, bahkan juga untuk setiap rakyat untuk terus berjimat-cermat dalam belanja mereka dan menyimpan wang yang berlebihan dalam negara kita dan bukan di luar negara. Jikalau sekiranya ini menjadi amalan kita, maka sudah pastilah kekayaan dapat kita kumpulkan sebagai seorang individu dan sebagai negara. Dengan ini, mudah-mudahan kita akan boleh hidup dengan lebih bergaya dan sempurna di masa-masa yang akan datang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan satu Belanjawan yang mempunyai beberapa kelebihan dan yang telahpun diharap-harapkan oleh rakyat kita di beberapa tahun yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, dtngan ini saya mohon menyokong Satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Sekian, terima kasih.

Timbalah Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan G, Rajoo.

5.36 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Belanjawan yang dibentangkan ini adalah satu Belanjawan yang positif meyakinkan ekonomi negara dan berbentuk progresif. Belanjawan ini dipuji dan disambut baik oleh rakyat jelata dan pelabur-pelabur asing. Belanjawan ini tidak langsung membebankan rakyat jelata terutama sekali rakyat berpendapatan rendah. Ini jelas membuktikan Kerajaan selalu mengambil berat tentang kedudukan rakyat berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-pertua, kadar perturabuhan Keluaran Dalam Negara Kasar telah mencapai ke suatu tahap yang amat membanggakan dan harga barangan utama telah dinaikkan ke paras yang tinggi berikutan dari permintaan luar negeri yang kukuh.

Saya mengambil peluang ini raengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan khasnya dan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan amnya, kerana tindakan-tindakan yang tegas dan berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki prestasi ekonomi negara. Ada pihak yang menuduh dan kondem Kerajaan bahawa ekonomi negara akan terus merosot dan prospek pemilihan ekonoroai adalah gelap, akan tetapi pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara ini jelas membuktikan kepada kita ramalan-ramalan "prophets of doom" ini serauanya salah.

Di dalam negara kita masih terdapat golongan-golongan tertentu yang mencaci Kerajaan, menyebarkan berita-berita tak benar dan memberi gambaran yang salah dengan tujuan menakut-nakutkan pelabur-pelabur asing serta memburuk-burukkan nama Malaysia. Dalam aspek ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia, ini ke suatu insiden yang amat mengecewakan baru-baru ini. Sebuah kesatuan sekerja antarabangsa yang bergabung" dengan APL-CIO (American Federation of Labour-Congress of Industrial Organisations), dengan izin, iaitu Asian-American Free Labour Institute, telah menuduh kononnya pekerja-pekerja di industri-industri elektronik Malaysia yang semuanya tidak berpelajaran ataupun hanya separuh berpelajaran ditindas oleh Kerajaan Malaysia. Mereka sanggup tunduk begitu rendah untuk melemparkan lumpur terhadap Kerajaan yang kita cintai ini. Perkara-perkara begini ditimbulkan oleh golongan-golongan tertentu dengan tujuan dan niat menjejaskan pertumbuhan ekonoroai negara ini,.

Pada satu ketika dahulu orang-orang Barat menganggap penduduk-penduduk Malaysia tinggal di atas pokok, kini mereka diberi gambaran pekerja-pekerja di industri elektronik tidak berpelajaran, lalu menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mundur.

Perkara ini jelas tidak mencerminkan keadaan yang sebenar di negara ini dan kenyataan-kenyataan itu adalah, dengan izin, insulting, misinformed and grossly ignorant. Oleh yang demikian saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini agar Kerajaan berusaha mengambil tindakan untuk mengidentifikasi sumber-sumber yang memberi maklumat itu kepada agensi-agensi asing itu dan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya terhadap golongan pengkhianat ini agar ekonomi dan kestabilan negara tidak terganggu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989 adalah dirancang untuk mengekal dan mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara dan strategi Belanjawan 1989 adalah seperti berikut;

- (i) Menyusun semula sistem cukai;
- (ii) meningkatkan peranan sektor swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pengangguran; dan
- (iii) meneruskan dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk menyusun semula sistem cukai dengan menggarah beberapa langkah positif yang tidak membenarkan rakyat berpendapatan rendah. Saya pasti langkah-langkah ini akan menambahkan hasil negara dan menjamin suatu sistem pemungutan cukai yang lebih sistematik dan berkesan. Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan peranan sektor swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan mengurangkan beberapa jenis cukai yang menguntungkan sektor swasta.

Saya berharap keuntungan yang diperolehi ini akan disalurkan oleh sektor swasta untuk menambahkan bilangan pekerja dan mewujudkan iklim pekerjaan yang lebih selesa serta mengurangkan pengangguran di negara ini. Kerajaan juga telah meneruskan dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam dengan beberapa cara seperti Konsep Persyarikatan Malaysia bagi tujuan mengurang, melonggar dan memudahkan prosedur-prosedur pentadbiran.

Saya juga mengalu-alukan keputusan. Kerajaan yang tidak akan melaksanakan sesuatu dasar yang akan membawa kepada pertambahan hutang. Saya yakin langkah-langkah ini pasti akan mengawal pertambahan hutang dalam dan luar negeri dan mengurangkan nisbah jumlah hutang kepada Keluaran. Negara Kasar.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan jelas membuktikan hasrat Kerajaan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur, adil dan aman, Saya mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada segolongan rakyat negara ini supaya memberhentikan kegiatan menabur fitnah dengan melemparkan tuduhan-tuduhan liar yang tidak berasas di dalam dan di luar negeri. Pelabur-pelabur asing perlulah diberi gambaran yang tepat dan betul tentang perkembangan-perkembangan di negara yang kita cintai ini.

Oleh yang demikian, sesiapa yang ingin memusnahkan apa yang kita ada hendaklah dihukum sekeras-kerasnya. Ada golongan rakyat yang terteatu cuba menghancurkan kedamaian rakyat dan menyusahkan pekerja-pekerja dengan memberi gambaran yang tidak betul tentang

negara ini dan mencuba merugikan negara dan seterusnya pekerja-pekerja yang tidak berdosa itu.

Di ekstrim sebelah lain pula, Kerajaan telah berusaha mengharumkan nama negara dengan berbagai aktiviti dan tindakan. di dalam dan di luar negeri di forum-forum antarabangsa seperti ASEAN, OIC, CHOGRM, Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain lagi. Nama Malaysia mula mengharum dan lebih dikenali apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dipilih menjadi Pengerusi Persidangan Dadah di Vienna baru-baru ini. Kemuncak kejayaan Malaysia dalam forum antarabangsa baru-baru ini ialah apabila Malaysia dipilih untuk menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai ahli tidak kekal dengan mandat yang begitu besar iaitu 14.3 negara menyokong dan hanya 5 negara sahaja tidak menyokong. Sokongan yang begitu besar ini jelas menunjukkan Malaysia dipandang tinggi oleh negara dunia ini. Saya yakin Malaysia akan memberi sumbangan yang konkrit untuk menjaga keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Oleh yang demikian, saya berharap peruntukan yang diberi kepada Kementerian Luar Negeri akan mencerminkan hasrat Kerajaan memainkan peranan dengan lebih efektif. Memenangi kerusi Majlis Keselamatan sahaja tidak mencukupi, Malaysia hendaklah membuktikan kualiti kepimpinan dan komitmennya. Sebagai suatu langkah permulaan kita harus menyemak semula janji-janji yang diberi kepada negara-negara semasa berkempen untuk mendapatkan kerusi tersebut.

Saya pasti bahawa beberapa negara akan berharap kita akan mewakili kepentingan mereka dalam Majlis tersebut. Dua tahun yang akan datang ini pasti akan menguji kebolehan dan skil diplomasi

antarabangsa kita.Saya yakin dan percaya Malaysia akan berjaya memainkan peranan yang sewajarnya dalam Majlis Keselamatan Negara dengan efektifnya.

Tuan Yang di-Pertua,saya juga mengalu-alukan, persetujuan Kerajaan untuk membuat pelarasan gaji untuk pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan A, B dan C mulai dari 1hb Januari, 1989, selaras dengan komitmen. Kerajaan membuat pelarasan" gaji apabila kedudukan kewangan Kerajaan bertambah baik.Saya juga sedar pelarasan gaji bagi pegawai-pegawai Kerajaan. Kumpulan D telah diberi kebelakangan ini walaupun sernasa itu Kerajaan mengalami kesulitan kewangan. Pelarasan gaji yang diberi kepada pegawai-pegawai Kumpulan D tempoh hari lalu telahpun ditekan oleh peningkatan Consumer Price Index, dengan izin, dan. pada masa ini mereka masih menghadapi kesulitan ,

Oleh yang demikian saya merayu kepada Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan membuat pelarasan gaji kepada, kakitangan Kumpulan D juga.Saya berharap Kerajaan akan juga membelakangkan tarikh berkuatkuasa pelarasan gaji kepada 1hb Januari, 1988 bagi menyejukkan hati pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi tulang belakang negara ini.

Tuan Yang di-Pertua; saya menyokong langkah-langkah Kerajaan. untuk berhati-hati dalam pengambilan kakitangan dan terus tnengawal saiz Perkhidmatan Awam.Namun begitu 18,700 jawatan kosong yang penting perlu diisi dalam Perkhidmatan Pendidikan, Polis, Kesihatan dan Tentera sebanyak 60% jawatan yang akan diisi adalah untuk perkhidmatan Kesihatan dan Pendidikan.

Saya juga sedar peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak 322,280 juta adalah bagi emolumen, pelarasan gaji dan kenaikan gaji tahunan biasa. Peruntukan ini adalah satu peruntukan yang amat besar.

Dalam aspek peruntukan yang besar begini, saya ingin menyentuh sedikit tentang Perkhidmatan Pendidikan di mana 31,140 juta diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan termasuk pembinaan bilik-bilik darjah dan sebanyak 3305 juta bagi Program Pendidikan Tinggi. Saya yakin, dan percaya Kerajaan sedar akan kekurangan guru terlatih yang amat ketara sekarang terdapat di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di negara ini. Sekolah-sekolah Tamil di negara ini mengalami kekurangan guru yang amat ketara dan terpaksa menggunakan tenaga guru sandaran tanpa latihan untuk mengajar murid-murid di sekolah-sekolah ini.

Pengajaran mereka tidaklah begitu berkesan dan murid-murid telah menjadi mangsanya. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, saya berharap Kerajaan akan mengambil lebih banyak lagi guru pelatih yang beropsyen bahasa Tamil dan melatih mereka di Maktab-maktab Perguruan untuk menampung kekurangan guru di sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Sebagai suatu langkah interim, Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan memberi latihan agar mereka menjadi guru terlatih dan memberi perkhidmatan yang lebih baik bagi meningkatkan prestasi pendidikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pendidikan, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang perkhidmatan air dan api kepada sekolah. Pada masa ini sekolah-sekolah terpaksa membayar bil air dan api yang begitu besar setiap bulan. Ada sekolah yang membayar bil api dan air sehingga \$400 sebulan. Ini telah menyulitkan pentadbiran sekolah. Pada masa ini bil api dan air dibayar menggunakan wang pemberian bantuan pelajaran PCG yang seharusnya perlu digunakan untuk membeli alat-alat sokongan pengajaran dan pentadbiran. Oleh yang demikian saya yakin dah berharap- Kerajaan yang akan mengkaji kemungkinan memberi perkhidmatan api dan air percuma kepada sekolah-sekolah seperti yang diamalkan ke atas agensi dan institusi Kerajaan yang lain memandangkan sekolah juga adalah sebuah institusi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk merayu kepada Kerajaan untuk menambahkan pemberian bantuan pelajaran PCG kepada sekolah di negara ini. Kadar pemberian untuk menyelenggarakan pejabat dan pembelian alat-alat mengajar ini telah ditetapkan pada 1970an sebelum zaman inflasi dan kini didapati tidak munasabah. Saya difahamkan dengan kenaikan harga barangan sekolah di pasaran tempatan berikutan dengan beberapa faktor kewangan, sekolah-sekolah sedang menghadapi masalah dalamn pengurusan sekolah dengan bantuan yang begitu kecil. Oleh yang demikian, saya berharap

Kerajaan akan menengkaji kemungkinan menambahkan lagi kadar pemberian PCG ke tahap yang lebih munasabah memandangkan kadar pemberian yang ditetapkan 15 tahun ini telah menjadi 'obsolete' dan sekolah-sekolah tidak dapat mencapai keperluannya dengan sempurna. Saya juga mengesyorkan kadar pemberian bantuan dinaikkan memandangkan ekonomi negara kini berada dalam tahap yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang program bacaan sekolah rendah di bawah pinjaman Bank Dunia ke 8 Fasa Satu di mana semua sekolah di negara ini menerima beberapa buah buku bacaan bagi kegunaan perpustakaan masing-masing. Dalam program ini kesemua 552 buah sekolah Tamil di negara ini telah mendapat 151 judul buku setiap buah-buah sekolah. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas perkara ini. Baru-baru ini Kementerian Pendidikan melancarkan Fasa Kedua dalam program yang sama, akan tetapi saya difahamkan bahawa hanya 176 buah sekolah Tamil sahaja dipilih menerima 50 judul buku setiap sekolah, manakala lain-lain aliran sekolah kesemuanya menerima lebih banyak buku 341 buah sekolah Tamil tidak menerima sebarang buku dalam Fasa Kedua ini. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan membekalkan lebih banyak judul buku bagi kesemua 552 buah sekolah Tamil di negara ini seperti yang dibekalkan kepada sekolah-sekolah beraliran SK, SRK dan SRJK Cina pada tahun ini. Oleh kerana tahun 1989 diisytiharkan sebagai tahun membaca, saya yakin Kementerian Pendidikan akan merabekalkan buku-buku ini kepada semua sekolah-sekolah Tamil yang kebanyakannya terletak di kawasan-kawasan terpencil seperti ladang di mana kemudahan perpustakaan awam jauh

sekali. Dengan adanya tambahan bekalan buku perpustakaan ini, saya yakin kita akan mewujudkan satu masyarakat yang tinggi dalam budaya membaca.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan sebanyak \$209 juta bagi Kesihatan termasuk peruntukan sebanyak \$50 juta bagi pembinaan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa. Saya bersetuju penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan adalah satu aspek perlu bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk, akan tetapi Kerajaan seharusnya juga hendaklah memberi perhatian kepada aspek kemudahan kesihatan yang berkualiti pada rakyat jelata dengan melantik lebih banyak lagi pakar perubatan dalam bidang-bidang tertentu di hospital-hospital, negara ini. Masalah kekurangan doktor dan pakar perubatan adalah satu masalah semenjak zaman penjajah dahulu dan mengikut suatu anggaran masalah ini akan wujud satu dekad lagi. Pada masa ini kekurangan doktor dikira mengikut nisbah jumlah penduduk dan bukan keperluan sesuatu masa yang tertentu. Kerajaan sedang berusaha mencapai nisbah seorang doktor pada setiap 2,000 penduduk. Saya yakin dan percaya Kerajaan akan mencapai objektif ini dalam satu tempoh yang tertentu.

Mengikut Rancangan Malaysia Kelima, nisbah seseorang doktor bagi setiap 2,000 orang dicapai bekalan pada 1990, jika ketiga-tiga universiti tempatan dapat mengeluarkan 2,500 orang doktor sebelum 1990. Ini adalah satu target yang sukar untuk dicapai. Oleh yang deraijian, untuk mencapai target tersebut, saya berharap Kerajaan akan raenambah pengambilan penuntut perubatan ke tiga-tiga universiti tempatan pada 1989 dan 1990. Jika perlu, Kerajaan hendaklah mengisytiharkan lebih banyak universiti negara-negara lain yang

mengeluarkan ijazah perubatan. Kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk melatih 2,000 pakar perubatan dalam jangka masa 7 tahun lagi untuk menampung keperluan perubatan kepakaran. Kerajaan memerlukan lebih kurang 2,090 orang pakar pada 1995 dalam bidang-bidang seperti ENT, pakar kanak-kanak, bius dan anaesthesia. Untuk mencapai target tersebut, Kerajaan hendaklah memberi beberapa insentif seperti cuti bagi pelajaran post-graduate dan elaun kepakaran yang lumayan bagi menggalakkan doktor-doktor perubatan mempelajari bidang kepakaran tertentu. Ketiga-ketiga universiti tempatan hendaklah memainkan peranan yang positif dengan mengurapulkan segala tenaga untuk memajukan unit kepakaran di negara ini. Kerajaan juga hendaklah memberi tumpuan dan perhatian yang serius untuk mewujudkan lebih banyak lagi kemudahan latihan dalam bidang di mana kadar kekosongan amat ketara seperti, dengan izin, Pathology, Neurosurgery, Anaesthesia dan ENT, agar Kerajaan dapat meningkatkan lagi taraf kehidupan penduduk di negara ini dan mewujudkan satu jenarasi yang sihat dan kuat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek kesihatan, izinkan saya menyentuh sedikit tentang trajedi dan malang yang menimpa ke atas 14 orang kanak-kanak di Ipoh baru-baru ini selepas makan sejenis mee 'loh see fun'. Kerajaan telah mengambil langkah yang segera dan positif untuk menyelidik punca-punca kematian itu. Pakar-pakar perubatan dari luar negeri dibawa masuk ke negara ini untuk membantu doktor-doktor terapan menyelamatkan nyawa dan membuat penyelidikan.

Sampel-sampel makanan dihantar keluar negeri termasuk London Poison Centre dan ke Amerika Syarikat untuk memastikan sebab-sebab kematian itu. Tetapi masih tidak ada sebarang keputusan yang konkrit walaupun dipercayai asid borik yang terdapat dalam 'Loh See Fun' yang menyebabkan kematian itu.

Kita harus mempelajari beberapa perkara dari tragedi kemalangan **ini**. Kerajaan hendaklah mewujudkan suatu Poison Centre iaitu Pusat Racun di negara ini untuk membuat penyelidikan yang segera, memandangkan kes-kes keracunan yang begitu banyak sekarang berikutan dengan kegunaan bahan-bahan kimia dalam penyediaan dan pembuatan makanan di negara ini, di mana bahan-bahan kimia tidak dapat dikesan secara ad hoc kerana cara penyediaan makanan secara sofistikated sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di negara ini terdapat beberapa undang-undang untuk mengawal kebersihan dalam pembuatan dan pengedaran, makanan. Tetapi malangnya penguatkuasaan tidak mencukupi. Apabila ada tragedi baru pegawai-pegawai penguatkuasa mula bertindak. Perkara begini tidaklah begitu sihat dan saya berharap pegawai-pegawai penguatkuasa selalu membuat rondaan untuk memastikan makanan yang disediakan itu sesuai dari segi kebersihan untuk ditnakan.

Kita pasti tahu ada bahan yang telah mengakibatkan kematian 14 orang itu. Baru-baru ini apabila pegawai-pegawai penguatkuasa membuat pemeriksaan ke kilang-kilang membuat bahan-bahan makanan ini, mereka terperanjat berjumpa dengan botol-botol kotor, berbagai-bagai bahan kimia, lalat, lipas dalam keadaan yang amat kotor. Tetapi baru sahaja mereka membuat pemeriksaan. Kenapakah

pemeriksaan begini tidak dibuat dahulu walaupun kita sudah mempunyai undang-undang bertahun-tahun kebelakangan ini? Berapa banyakkah pembuat-pembuat makatian yang kotor dan tidak mengikuri peraturan didakwa dalam mahkamah?Perlukah kita tunggu sehingga tragedi menimpa sebelum bertindak? Saya berharap Kerajaan akan membuat surprise checks, dengan izin, ke atas kilang-kilang dan kedai-kedai yang menjual makanan itu. Kerajaan hetidaklah memastikan rakyat hanya memakan makanan yang *hygienically prepared*, dengan izin, bersih, berzat dati sesuai dimakan agar kita dapat mengelakkan tragedi seperti di Ipoh dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah memperuntukkan wang yang begitu besar kepada Kementerian Perusahaan Utama dengan tujuan meningkatkan lagi pasaran pengeksporan minyak kelapa sawit berikutan dengan permintaan barang-barang pengeluaran kita yang menggalakkan.

Dalam aspek ini, saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan menubuhkan Tabung Promosi Kelapasawit atau, dengan izin, Palm Oil Promotion Fund baru-baru ini kerana beberapa sebab yang tertentu. Antara lain, ianya dapat mematahkan kempen Persatuan Soyabean Amerika yang begitu pesat untuk menjatuhkan pemasaran minyak kelapa sawit di pasaran dunia. Kerajaan hendaklah memastikan bahawa peruntukan yang mencukupi diberi untuk promosi kelapa sawit berikutan dengan penerimaannya sebagai minyak yang boleh dimakan.

Saya percaya hanya pasaran minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat sahaja telah terjejas tetapi pemasaran di lain-lain negara tidak terjejas, Oleh yang demikian, Palm Oil Promotion Fund ini hendaklah memainkan peranan yang lebih hebat memastikan minyak kelapa sawit adalah bahan makanan yang boleh diterima seperti lain-lain minyak dan lemak di seluruh negara.

Untuk mengatasi persaingan hebat minyak kelapa sawit perlu

dibaiki kualitasnya dan dipastikan pengedaran kepada semua pelanggan tidak terjejas. Kita harus meningkatkan iklim persaingan dan strategi pemasaran keseluruhannya, tetapi apa yang lebih penting dan utama ialah untuk membuktikan bahawa minyak kelapa sawit adalah baik untuk kesihatan agar dapat Malaysia menembusi pasaran minyak makan di dunia ini. Penyelidikan hendaklah membuktikan, dengan izin, beyond all reasonable doubt, bahawa minyak kelapa sawit adalah baik untuk kesihatan. Jika kita berjaya di siri, saya yakin pemasaran minyak kelapa sawit akan menambahkan pendapatan negara

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan, Negeri dalam melaksanakan program rumah kos rendah untuk kumpulan berpendapatan rendah. Kerajaan juga telah menggalakkan sektor swasta memaikan peranan yang lebih besar dalam pembinaan rumah kos rendah supaya lebih ramai rakyat Malaysia khususnya mereka yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah. Akan tetapi golongan rakyat berpendapatan rendah yang tinggal di ladang-ladang getah dan lombong tidak diberi perhatian sepenuhnya dalam aspek memiliki rumah ini. Pekerja-pekerja ladang tidak diberi sebarang insentif untuk memiliki rumah walaupun Kerajaan telah menubuhkan satu tabung pusingan bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong memiliki rumah semasa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dahulu.

Pihak-pihak ladang enggan melaksanakan program perumahan di bawah tabung pusingan tersebut atas sesuatu sebab yang tertentu. Di negeri Perak, walaupun terdapat beberapa buah ladang, hanya satu ladang sahaja telah melaksanakan program perumahan bagi pekerja-pekerjanya iaitu di Ladang Pinji di bawah Taiko Plantations.

Saya berharap Kerajaan akan mencampurtangan dan menasihatkan

tuan punya ladang di negara ini agar pekerja-pekerja ladang tidak berhijrah ke pekan mencari rezeki yang lebih baik.

Jika program perumahan dapat dilaksanakan di setiap ladang di negara ini, saya yakin dan pasti kita tidak akan mengalami fenomena kekurangan pekerja di ladang dan kita tidak perlulah membawa pekerja-pekerja asing secara halal ataupun haram untuk bekerja di ladang-ladang getah. Pekerja-pekerja asing ini pasti menjadi masalah kepada sektor perladangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Kebajikan Masyarakat di mana suatu situasi yang amat mengecewakan berlaku. Beberapa Rumah Seri Kenangan untuk menjaga orang-orang tua berfungsi di negara ini di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kebanyakan Rumah Seri Kenangan ini mempunyai lebih kurang 200 orang kakitangan kerajaan termasuk seorang Pembantu Hospital untuk merawat penghuni-penghuni yang sakit,

Apa yang amat mengecewakan adalah Pembantu-pembantu Hospital ini tidak langsung mempunyai ubat dalam dispensarinya untuk mengubati penghuni-penghuni sakit dan mereka terpaksa dirujuk ke hospital-hospital berhampiran untuk mendapat rawatan. Saya difahamkan keadaan begini berlaku kerana dispensari di Rumah-rumah Seri Kenangan tidak mempunyai peruntukan untuk membeli ubat dan oleh yang demikian dispensari tidak dibekalkan dengan sebarang ubat.

Keadaan begini adalah tidak begitu sihat. Jika kita sudah mempunyai seorang pembantu Hospital eloklah dispensarinya dibekalkan dengan ubat yang sewajarnya. Jika tidak apakah gunanya Pembantu

Hospital di situ? Keadaan begini berlaku di Rumah Seri Kenangan Tanjung Rambutan. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan memberi sedikit peruntukan tambahan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya Rumah-rumah Seri Kenangan di bawah jagaannya dapat dibekalkan dengan ubat-ubatan yang perlu bagi mengubati orang-orang tua kita.

Dengan harapan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas pertumbuhan ekonomi yang pesat dan prestasi ekonomi yang baik berikutan dengan dasar Kerajaan yang begitu sihat. Dengan kata-kata ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita beri wanita pula peluang Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh.

6.10 ptg

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan tersebut pada hari Isnin 5.12.88 yang mengandungi kenyataan yang lengkap dan jelas untuk faedah bersama yang berjumlah begitu besar dari B.1 hingga B.54.

Dengan Belanjawan. 1989- itu kita harap ekonomi kita akan bertambah kukuh daripada tahun-tahun yang kebelakangan, kerana Kerajaan selalu mengambil berat dan mengambil kira kepada orang-orang dari luar bandar yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan bercakap secara ringkas sahaja mengenai dengan Belanjawan tahun. 1989 ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.26 iaitu Kementerian Pendidikan. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan kerana banyak kejayaan-kejayaan telah tercapai sejak kebelakangan ini" seperti kempen "Cintailah Bahasa Kita", kempen "Gerakan Membaca" , disiplin di sekolah-sekolah diawasi serta kejayaan KBSR. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Menteri Pendidikan kerana masa lawatan Yang Berhormat Menteri ke Perlis baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri telah bersetuju untuk mewujudkan satu pusat matrikulasi yang akan menyediakan pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke

Universiti Sains Malaysia nanti.

Kita amat rasa bangga bahawa anak-anak kita dari KBSR telah mula ditanamkan semangat suka membaca. Jadi salah satu tujuan pendidikan untuk menjadikan anak-anak kita insan yang berilmu itu akan tercapai. Tetapi saya rasa agak dukacita kerana buku-buku dan bahan-bahan bacaan agak berkurangan.

Saya suka mengesyorkan kepada Kementerian Pendidikan, supaya mewujudkan bengkel-bengkel penulisan di tiap-tiap negeri oleh guru-guru yang benninat dengan kerjasama Persatuan-persatuan Penulis yang rata-rata terdapat di negara kita supaya hasil-hasil penulisan nanti akan memberi manfaat kepada rakyat di samping meninggikan dan dapat meningkatkan ekonomi kita.

Statistik-statistik perpustakaan di negeri-negeri dan di sekolah-sekolah serta perpustakaan bergerak harus ada.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam protesyen perguruan terdapat ramai guru-guru yang berpeluang mengikut kursus khas ataupun kursus pengkhususan atau specialist teachers, dengan izin. Contohnya, specialised dalam bahasa Inggeris, specialised dalam sains perpustakaan dan lain-lain. Tetapi saya rasa agak dukacita kerana terdapat guru-guru yang berkenaan tidak diberi tempat dalam bidang-bidang kemahiran mereka. Jadi kalaulah Kementerian Pendidikan berbelanja untuk menghantar guru-guru yang berkenaan ke luar negeri untuk berkursus maka kiranya guru-guru tersebut tidak ditempatkan dalam bidang-bidang pengkhususan maka Kementerian akan rugi dan pelajaran dan pembelajaran, yang diterima oleh guru-guru itu akan sia-sia dan tidak dapat dipraktikkan oleh guru-guru tersebut.

Tuati Yang di-Pertua, satu aspek lagi mengenai Kementerian Pendidikan juga iaitu mengenai dengan sekolah vokasional. Mata pelajaran yang diajar seperti kimpalan atau fabriakasi, mata-pelajaran- kajisawat motor, matapelajaran pemasangan hawa dingin, matapelajaran elektrik, matapelajaran rawatan radio dan televisyen disemak semula oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Matapelajaran-matapelajaran yang diajar eperlalu asas atau basicnya terlalu sedikit kerana lepas seseorang pelajar itu meninggalkan sekolah, dia tidak mampu atau tidak dapat berdikari untuk mencari maffkah kerana ilmu yang diperolehi itu terlalu basic. Saya harap Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian di dalam perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya orientasi yang diberi kepada pelajar-pelajar kita yang akan menuntut di luar negeri- akan." betul-betul menjadi satu garis panduan kepada mereka. Pelajar-pelajar ini akan mengalami cultural shock, dengan izin, di luar negeri nanti. Tambahan pula jauh dari keluarga. Saya biasa berjumpa dengan penuntut-penuntut di University of Northrop, Los Angeles dan di antara mereka itu terdapat pelajar-pelajar kita yang seolah-olah tidak suka berjumpa dengan kita dari Malaysia. Mungkin mereka berasa yang mereka itu mempunyai pelajaran tinggi dan berlagak seperti Mat Salleh.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Soal Jawapan Mulut, saya telah bertanya Menteri Pendidikan mengenai sekolah-sekolah swasta di negara kita. Saya amat berharap supaya Kementerian Pendidikan

mengadakan kawalselia dari segi beberapa aspek seperti sukatan, pelajaran, kurikulum supaya matlamat dasar pelajaran negara kita tercapai sepertimana yang dihasratkan. Begitu juga dari Tadika, Tabika, Taski dan kelas-kelas seumpama itu patutlah diselaraskan di seluruh negara kerana kata pepatah "kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungunya."

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan B.34 iaitu Kementerian Kesihatan. Tahniah juga saya ucapkan kepada Menteri Kesihatan kerana akan dapat mengadakan Hospital Mata di Langkawi. Ini menunjukkan bahawa sains dan teknologi di Malaysia juga turut mencapai tahap yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat ubat-ubat atau racun serangga dijual di kedai-kedai runcit dan ditempatkan bersama-sama bahan-bahan makanan yang lain, Saya amat risau melihat perkara ini berlaku dan berharap supaya Merinyu Kesihatan dapat membuat lawatan dan mengambil perhatian dalam perkara tersebut. Begitu juga di kantin-kantin sekolah supaya memastikan pembekal-pembekal dan penjual-penjual makanan bersih, sihat dari penyakit yang tertentu. Kita amat rasa dukacita kerana 14 orang murid meninggal dunia kerana keracunan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.17 iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Tahniah juga kepada Menteri Belia dan Sukan kerana telah merasmikan Hari Sukarelawan Negara pada 5.12.88 dan juga

menyampaikan Anugerah Belia Negara yang pertama kali di wujudkan di Malaysia. Tahniah juga saya sampaikan kerana Kementerian Belia dan Sukan akan mengadakan sekolah sukan yang bertujuan untuk meninggikan mutu sukan di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik atau perangkaan penduduk tahun 1987 terdapat 6.6 juta orang di Malaysia adalah terdiri dari golongan belia. Dari jumlah tersebut hanya 1.7 juta orang belia sahaja yang menyertai persatuan sedangkan 4.9 juta orang lagi masih tidak memasuki apa-apa pertubuhan belia sama ada persatuan belia beruniform seperti St. John Ambulance, Bulan Sabit Merah, Pandu Puteri, Pengakap dan lain-lain persatuan belia yang tidak beruniform seperti MAYC atau Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia, 4B, GPMS dan lain-lain.

Saya harap Kementerian Kebudayaan dan Sukan akan dapat mengadakan program khas dengan kerjasama Pengarah-pengarah Belia Negeri supaya belia yang tidak memasuki persatuan ini dapat dimasukkan ke dalam Persatuan-persatuan Belia. Dengan ini akan menghindarkan mereka daripada kegiatan-kegiatan yang kurang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya B.19 - Kementerian Pertanian. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pertanian yang mempunyai daya kreatif yang tinggi. Kempen yang dijalankan seperti kempen minum air kelapa muda, kempen tnakn ularn, kempen ratu biri-biri yang mana saya telah bertanya kepada Pegawai Pertanian adakah ratu biri-biri itu seekor kambing betina? Jawabnya tidak. Ratu biri-biri ialah kambing jantan. Mengadakan Pusat-pusat Latihan dan Penyelidikan Penyakit Ternakan Ayam-Itek ASEAN di Ipoh; kajian MARDI mengenai benih koko dalam tabung uji yang boleh menghasilkan 3,000 batang aalara sehektar dan lain-lain projek dapat menarik perhatian di samping itu dapat meninggikan ekonomi.

Walaupun kejayaan-kejayaan kita ketara, namun bencana alam juga melanda negara kita, terutama banjir yang dua kali melanda negara kita. Mangsa-mangsa banjir ini yang terdiri dari petani-petani yang miskin telah banyak menerima kerugian. Amat perlu diberi perhatian dan bantuan khas oleh Kementerian yang berkenaan kerana petani-petani ini hanya bergantung hidup kepada tanaman padi yang mereka tanam itu. Apabila banjir terjadi musnahlah tanaman mereka kerana pokok padi itu terendam dalam banjir beberapa hari.

Tuan Yang di-Pertua, B.44 - Kementerian Penerangan. Kita tidak dapat nafikan bahawa Kementerian ini telah memainkan peranan yang begitu baik di seluruh negara. Tahniah saya ucapkan kepada Menteri yang berkenaan kerana SEMARAK yang telah dianjurkan itu begitu berjaya menyatupadukan rakyat, mendekatkan pemimpin dengan rakyat dan sebagainya. Namun begitu, kita harus pertingkatkan juga kesedaran sivik di dalam masyarakat kita yang berbilang kaum ini kerana saya dapati bahawa masyarakat kita amat kekurangan dari kesedaran sivik oleh sebab masih terdapat pondok-pondok telefon dan tiang-tiang telefon pun telah dicuri orang, Jadi apatah lagi perkara-perkara yang besar-besar yang amat perlu diberi perhatian.

Saya harap Kementerian ini dengan kerjasama atau kordinasi dengan jabatan-jabatan lain dapat mengadakan penerangan-penerangan, bukan hanya penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan, bahkan kesedaran sivik ini perlu diperingatkan atau dijadualkan selalu di dalam ceramah-ceramah dan sebagainya.

Begitu juga B.25 - Kementerian Pertahanan yang mana akan menghantar seramai 750 orang askar kita ke Namibia yang akan juga mencerminkan bahawa kita begitu mengambil berat dengan rakan-rakan kita di luar negara yang mana kita dapat membantu mereka di sana nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.47 iaitu Kementerian Pengangkutan, juga saya dapati bahawa railbus dari Hungary akan dapat kita perolehi tidak lama lagi, tetapi kejadian digilis kretapi masih berlaku di dalam negara kita yang mana saya rasa amat dukacita, sepasang penuntut lelaki dan wanita, mungkin mereka ini oleh kerana

dalam percintaan telah membunuh diri dengan digilis keretapi. Saya berharap supaya Kementerian berkenaan juga dapat memberi sedikit perhatian mengenai perkara-perkara accident ini.

Tuan Yang di-Pertua, B,51 - Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terdapat 172 buah rumah orang tua di seluruh negara dan 14 rumah orang tua yang dibiayai oleh Kerajaan. Bilangan rumah orang tua begitu banyak di negara kita ini. Tidakkah dapat kita menjalankan kempen supaya anak-anak ataupun cucu-cucu mendapat keinsafan dan kesedaran supaya nenek, emak dan ayah itu tidaklah ditempatkan di rumah orang tua. Betapa sedihnya sekiranya bila saya tua nanti anak saya meninggalkan saya di rumah orang tua. Saya harap kiranya dapat kempen-kempen kesedaran diadakan supaya anak-anak menginsafi dan mengetahui tanggungjawab mereka terhadap ibu bapa apabila tua nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya B.54 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Penyelia-penyelia dan PM-PM iaitu Pemaju Masyarakat yang sentiasa sahaja turun ke grassroots untuk menolong dan membantu masyarakat terutama sekali masyarakat di luar bandar. Walaupun industri kecil diberi tetapi saya rasa arat kurang Juruteknik-juruteknik yang akan menolong kiranya mesen-mesen yang diberi itu rosak. Saya berharap Juruteknik-juruteknik ini akan dapat diwujudkan supaya raereka akan dapat menolong mengatasi masalah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita telah dapati bahawa di dalam jawapan kepada soalan-soalan mulut di dalam Dewan yang mulia ini, terdapat banyak soalan-soalan yang dikemukakan mengenai angka-

angka ataupun statistik-statistik dan terdapat pula jawapan-jawapan ada kalanya tidak tahu, ada kalanya tidak ada angka, ada kalanya tidak bersedia dan sebagainya. Saya berharap pada masa-masa akan datang supaya perkara-perkara ini tidak akan terjadi lagi kerana jawapan-jawapan itu adalah meragukan dan tidak meyakinkan kepada orang-orang yang bertanya dan seterusnya saya harap supaya kerjasama di antara jabatan akan dapat diwujudkan, begitu juga kerjasama di antara Wakil-wakil Rakyat dan semua lapisan masyarakat yang ada di dalam negara kita ini.

Dengan ini, saya menyokong Belanjawan 1989. Terima kasih,

6.28 ptg.

Dato Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta membahaskan Perbekalan 1989. Sebelum perbekalan 1989 ini dibentangkan di Dewan Rakyat, ada kalangan rakyat membuat berbagai-bagai ramalan yang negatif. Mereka bimbang kalau-kalau Perbekalan 1989 ini akan membebankan rakyat dengan kenaikan berbagai-bagai cukai. Tetapi setelah Perbekalan 1989 ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, ternyata sekali ramalan-ramalan mereka meleset dan keseluruhan rakyat dalam negara ini berasa lega dan menerimanya dengan rasa penuh tanggungjawab dan menyokongnya.

Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat membentangkan Perbekalan 1989 ini dengan begitu baik dan tidak membebankan rakyat dan ternyata sekali bahawasanya Kerajaan adalah bertanggungjawab kepada rakyat dan kita dapat membayangkan kesungguhan Kerajaan untuk membela nasib rakyat pada keseluruhannya sama ada di luar bandar ataupun di dalam bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah sampai dan boleh sambung esok. Dengan ini, Dewan ditangguhkan sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.